


Jilid I
Bil. 19



Hari Isnin
2hb Disember, 1974

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1677]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Pertama)—

Jadual—

Kepala B. 1 hingga B. 12 [Ruangan 1685]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1975:

Jawatankuasa—

Kepala P. 8 dan P. 10 [Ruangan 1685]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 2hb Disember, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).

Yang Berhormat TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).

- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kemping).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).

- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tauran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

CHARGE ALLOWANCES KEPADA MEJISTRET-MEJISTRET—BAYARAN

1. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar hakikat bahawa Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi, Encik E. E. Sim, enggan membayar elaun "charge" (charge allowances) kepada mejistret-mejistret yang berhak menerima elaun itu menurut Perintah Am kerana menjalankan tugas-tugas tambahan yang melebihi 28 hari dalam setiap bulan dengan memberi alasan bahawa Perintah Am tidak dikenakan kepada mejistret-mejistret; jika ya, nyatakan samada beliau akan mengarah Ketua Pendaftar supaya mematuhi Perintah Am dan membayar elaun "charge" itu kerana keengganan membayar elaun tersebut adalah menjadi salah satu daripada sebab-sebab mejistret-mejistret meninggalkan perkhidmatan kehakiman.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah soal pentadbiran yang melibatkan tiga orang Mejistret sahaja. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dirujuk kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan iaitu pihak yang berkuasa dalam perkara ini bagi tindakan pentadbiran yang sewajarnya.

SEKATAN KREDIT BANK

2. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa Sekatan Kredit Bank sekarang ini adalah membawa kesan buruk terhadap pembangunan di Sarawak dan bahawa—

- (a) sekatan itu mewujudkan pengangguran dengan pembuangan kakitangan-kakitangan dalam sektor-sektor perniagaan dan perindustrian:

- (b) menyekat pengeluaran dan dengan demikian menyusutkan pembekalan barang-barang mustahak;

- (c) menyebabkan masalah-masalah inflasi menjadi semakin buruk dengan meningkatnya harga barang-barang yang sukar didapati dan pengeluaran yang terhad disebabkan punca-punca modal yang tersekat; dan

jika sedar, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaan supaya modal tidak tersekat.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menjelaskan berkenaan langkah-langkah kewangan di dalam Ucapan Belanjawan beliau pada 12hb November dan telah menyentuh tentang perkara ini lagi sekali semasa beliau menggulung perbahasan Belanjawan pada 29hb November. Langkah-langkah dasar kewangan ini dilaksanakan di seluruh Malaysia dan saya tidak mempunyai perkara-perkara yang hendak ditambah lagi berkaitan dengan hal yang telah diperbincangkan itu semasa perbahasan selama lebih kurang 10 hari yang lepas.

Walaupun bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat patut sedar bahawa adalah nyata wang yang dipinjamkan melalui bank-bank di Sarawak telah meningkat kepada \$54.8 juta atau 30.7% dalam masa 9 bulan yang pertama tahun ini. Kadar pertambahan ini adalah lebih tinggi daripada kadar purata 12% seperti yang terdapat di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Berasaskan kepada pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan berkenaan dengan perlonggaran seterusnya berkenaan sekatan-sekatan kredit di dalam bidang yang telah ditekankan semasa Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini, jadi adalah boleh dijangka bahawa bank-bank di Sarawak boleh memberi pinjaman yang bertambah.

COLA KEPADA PEKERJA-PEKERJA

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan akan mengeluarkan arahan kepada semua majikan persendirian supaya membayar pekerja-pekerja mereka COLA

yang sama dengan Elaun Bantuan Khas Kerajaan, terkecuali majikan-majikan yang telah menyatakan yang mereka tidak mampu membayar.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan mengumumkan pembayaran Elaun Bantuan Khas, Kerajaan mamakai istilah Special Relief Allowance, tidak COLA kepada pekerja-pekerjanya sendiri dan pekerja-pekerja pihak Berkuasa Berkanun Kerajaan telah membuat rayuan kepada Majikan-majikan di sektor swasta berbuat demikian juga.

Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah mengeluarkan arahan-arahan kepada Pengarah-pengarah Buruh Negeri-negeri pada bulan Disember 1973 supaya Pengarah-pengarah Buruh di tiap-tiap Negeri memberi nasihat kepada pihak majikan-majikan sektor swasta supaya memberikan Bantuan Khas yang sama. Ramai majikan-majikan semenjak itu telah membayar elaun-elaun yang sama kepada pekerja-pekerja mereka. Kerajaan menganggap tidak wajar mengarahkan majikan-majikan membayar elaun-elaun tersebut dengan mengadakan Undang-undang kerana kebanyakan majikan-majikan, kecuali barangkali satu dua lagi belum diketahui, telah bekerjasama di dalam perkara ini. Bahkan, menurut rekod yang disimpan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ada pihak-pihak majikan yang telah memberi Bantuan Khas ini lebih daripada kadar yang diamalkan oleh pihak Kerajaan sendiri.

RUMAH MURAH—MEMILIKI

4. Tuan Oh Keng Seng (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau sedar bahawa ada keperluan yang besar di kalangan rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan kecil untuk memiliki rumah murah. Jika ya, apakah tindakan-tindakan yang dia bercadang hendak ambil untuk mengatasi keadaan ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, kekurangan perumahan awam bagi golongan rakyat yang berpendapatan

rendah adalah menjadi perhatian utama Kementerian ini. Oleh itu, Kementerian saya berusaha :

- (i) akan mengadakan peruntukan yang lebih banyak lagi bagi dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga;
- (ii) telah meminta Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya untuk mengemukakan permohonan-permohonan bagi wang pinjaman Persekutuan supaya lebih banyak lagi yunit-yunit rumah berharga murah dapat dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Yang Ketiga;
- (iii) bercadang menubuhkan sebuah agensi pusat bagi mengendalikan projek-projek perumahan awam supaya lebih banyak lagi rumah-rumah awam dapat didirikan;
- (iv) juga telah menggalakkan pemaju-pemaju perumahan swasta untuk mengiatkan lagi pembinaan rumah-rumah murah supaya dapat mengatasi masalah kekurangan bilangan yunit-yunit rumah bagi mereka yang berpendapatan rendah.

LADANG TEBU—BILANGAN

5. Tuan Oh Keng Seng (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan bilangan ladang tebu di negara ini, dan samada semua ini telah berjaya atau sebaliknya, dan semada satu kajian mengenai persesuaian tanah dan hawa telah dibuat sebelum penanaman tebu dijalankan di ladang-ladang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, ada 5 buah ladang yang diusahakan berkenaan tanaman tebu sekarang di negara ini. Ladang itu adalah diusahakan oleh syarikat swasta ataupun dengan cara usaha bersama (joint-venture). Dari segi pembangunan pertanian usaha ladang-ladang itu untuk menanam tebu boleh dikatakan berjaya. Menurut sistem yang diberi kajian persesuaian tanah dan hawa dibuat oleh perunding-perunding yang diambil oleh syarikat-syarikat ladang berkenaan sendiri sebelum mereka membuka tanah-tanah ladang berkenaan untuk ditanam dengan tebu.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dalam jawapan di Dewan ini minggu yang lalu Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan satu projek iaitu sugar plantation di Negeri Sembilan akan mengeluarkan hasil dalam bulan November, tetapi hingga sekarang sudah masuk bulan Disember projek ini belum ada mengeluarkan apa-apa hasil. Bolehkah beliau menjelaskan apakah sebab-sebabnya?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat telah mengikuti rancangan Komentari di T.V. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan sendiri telah mengumumkan tentang pengeluaran gula daripada Syarikat Gula Negeri Sembilan itu.

LETRIK—BEKALAN DI SELURUH NEGARA

6. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatukan dasar Kementerian beliau dalam melaksanakan sesuatu projek bekalan letrik di seluruh negara.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaaob): Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kedua semua projek bekalan letrik luar bandar yang diluluskan untuk dilaksanakan adalah disusun mengikut keutamaan setelah dibincangkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berkenaan. Dasar yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri dan Lembaga Letrik Negara berkenaan dengan perbelanjaan untuk menjayakan rancangan bekalan letrik luar bandar adalah seperti berikut:

- (i) untuk tahun 1971 dan 1972 Kerajaan Persekutuan telah membiayai 2/3 daripada jumlah sumbangan yang dikehendaki dan Lembaga Letrik Negara membiayai 1/3 lagi.
- (ii) untuk tahun 1973 wang sumbangan telah disama-bahagi tiga di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Lembaga Letrik Negara, kecuali

Negeri-negeri Kedah dan Perlis di mana Kerajaan Persekutuan menanggung 2/3 daripada wang sumbangannya.

- (iii) untuk tahun 1974 dan 1975 wang sumbangan dibahagi 1/3 dari Kerajaan Persekutuan, 1/3 dari Kerajaan Negeri dan 1/3 lagi oleh Lembaga Letrik Negara kecuali Negeri Perlis di mana Kerajaan Persekutuan menanggung 2/3 dan Lembaga Letrik Negara 1/3 baki jumlah yang dikenakan, dan
- (iv) ada juga Kerajaan Negeri dengan sendirinya membiayai 2/3 dari jumlah sumbangan dan Lembaga Letrik Negara 1/3 yang bakinya dan projek seperti ini dianggap sebagai rancangan Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menerangkan berkenaan pembahagian peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan L.L.N. tetapi mengikut apa yang selalu diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan bahawa kedudukan bekalan letrik ke seluruh negara sekarang tidak dapat berjalan dengan lancar dengan sebab kekurangan-kekurangan bahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan apakah langkah-langkah segera diambil bagi mengatasi masaalah kekurangan bahan-bahan tersebut.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal berkenaan dengan dasar, dan saya rasa soalan tambahan ini adalah soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Itu atas Yang Berhormat Menteri. Nampaknya ada bersangkutan juga sedikit mengenai polisi iaitu bagaimana hendak mengatasi, Ahli Yang Berhormat itu hendak tahu. Kalau tak hendak jawab pun tak apa.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Saya boleh jawab. Berkenaan dengan bekalan-bekalan alat-alatan ini adalah satu perkara yang sukar, tetapi walau bagaimanapun, sekarang barang-barang ini dibekal dengan cara melebihi sedikit daripada masa-masa yang lepas. Jadi diharapkan pada masa akan datang banyak lagi bekalan dapat disampaikan kepada Lembaga Letrik Negara oleh kontraktor-kontraktor yang telah mendapat kontrak.

PROJEK PEMBANGUNAN DI KAMPUNG-KAMPUNG BARU— PERUNTUKAN

7. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan jumlah wang yang telah diberi kepada kampung-kampung baru dalam tempoh enam bulan sebelum pilihanraya umum yang lalu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, pada lazimnya Kementerian ini meluluskan peruntukan-peruntukan bagi mengendalikan projek pembangunan di Kampung-kampung Baru di awal tiap-tiap satu-satu tahun dan sehingga akhir bulan Ogos 1974, peruntukan yang telah diluluskan bagi mengendalikan projek-projek tersebut adalah berjumlah \$3,460,785.

PELABUHAN-PELABUHAN MALAYSIA—KEHILANGAN BARANG-BARANG

8. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta kepada Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa di pelabuhan-pelabuhan Malaysia sekarang ini banyak kehilangan barang-barang berlaku, dan kiranya sedar, tolong nyatakan di pelabuhan manakah yang teruk sekali kehilangan barang-barang berlaku dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya;
- (b) adakah barang-barang yang hilang itu berlaku sebelum turun dari kapal atau sudah turun, kiranya sudah turun dari kapal apakah langkah kawalan/keselamatan yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan supaya kehilangan tidak berlaku;
- (c) berapa banyak jumlah wang gantirugi yang telah dibayar pada tahun ini dan berapa banyak lagi anggaran yang belum dibayar setelah mendapat maklumat atas kehilangan begini; dan
- (d) sudahkah dapat Kerajaan mengesan pencuri barang-barang di pelabuhan-pelabuhan ini, kiranya sudah, berapa banyak barang-barang kecurian telah dapat dirampas kembali dan pencuri-nya sekali.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar berlakunya kehilangan barang-barang di Pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Harga barang-barang yang hilang dan rosak adalah kecil sahaja iaitu 0.0028% jika dibanding dengan jumlah harga barang-barang yang dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan. Ini terbukti dengan sendirinya apabila Dewan-dewan Perniagaan menghantar surat tahniah atas kejayaan pihak pelabuhan dalam mengawal barang-barang daripada kehilangan.
- (b) Barang-barang yang hilang itu berlaku sebelum dan selepas turun dari kapal. Walaupun kehilangan berlaku selepas turun dari kapal, kehilangan tidak semestinya disebabkan oleh pihak pelabuhan. Setakat mana pihak pelabuhan bertanggungjawab, langkah-langkah ke keselamatan sentiasa diambil dan dikaji dari masa kemasa.
- (c) Jumlah wang gantirugi yang telah dibayar dalam tahun 1974 ialah seperti berikut:

Pelabuhan Kelang	...	\$62,845
Pelabuhan Pulau Pinang		\$59,000

Jumlah gantirugi yang belum dijelaskan bagi tahun 1974 seperti berikut:

Pelabuhan Kelang	...	\$32,897
Pelabuhan Pulau Pinang		\$55,000

Jumlah gantirugi yang belum dijelaskan menunggu penyiasatan oleh pihak pelabuhan. Sekiranya penyiasatan menunjukkan pihak pelabuhan tidak bertanggungjawab, maka gantirugi tidak akan dibayar.

- (d) Jumlah nilai barang-barang yang dapat dirampas kembali dalam tahun 1974 seperti berikut:

Pelabuhan Kelang	...	\$274,736
Pelabuhan Pulau Pinang		\$ 13,000

Bilangan pencuri yang dapat dikesan bagi tahun 1974 seperti berikut:

Pelabuhan Kelang	...	9 orang
Pelabuhan Pulau Pinang		63 orang

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan kehilangan barang-barang tidak begitu banyak

dan Lembaga Pelabuhan telah mendapat surat tahniah daripada peniaga-peniaga. Adakah beliau sedar bahawa ada peniaga-peniaga berasa susah hati oleh sebab berlaku kehilangan barang-barang ini dan syarikat insuran sudah menaikkan ratenya.

Yang kedua, ada peniaga-peniaga yang tidak mahu menggunakan Pelabuhan Kelang dan menghantar barang-barang mereka ke luar negeri bukan melalui Kelang tetapi melalui Singapura. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjawab kedua-dua soalan ini?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan (a) saya sedar; menjawab soalan (b) tidak.

RUMAH MURAH—YUNIT-YUNIT

9. Tuan Lee Boon Peng bertanya kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru apa tindakan beliau telah, sedang dan akan ambil supaya menambahkan bilangan yunit-yunit rumah murah di seluruh negara dan khususnya di kawasan-kawasan luar bandar untuk kumpulan-kumpulan berpendapatan rendah.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada maksud soalan itu telah saya jelaskan pada 7hb November, 1974, dan sebahagian daripada maksud soalan itu telah saya jawab dalam soalan yang keempat.

JAMBATAN TRONOH MINES— KAMPUNG TIMAH—PEMBINAAN

10. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membina sebuah jambatan antara Tronoh Mines, Kampar dengan Kampung Timah, Tanjung Tualang bagi kepentingan rakyat menyeberangi “sungai” itu dengan feri, jika ya, nyatakan butir-butir lanjut, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu pembinaan jambatan menyeberangi Sungai di kawasan yang disebutkan itu adalah perkara Kerajaan Negeri. Oleh itu, jika sekiranya Yang Berhormat berminat terhadap perkara ini bolehlah mengemukakannya kepada Majlis Tindakan Negeri Perak untuk pertimbangan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan Anggaran Pembangunan, 1975 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (29hb November, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

JADUAL

*Kepala B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11 dan B. 12 (Jadual)—
Kepala P. 8 dan P. 10 (Anggaran Pembangunan, 1975)—*

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1975 di bawah Kepala B. 1,

B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11 dan B. 12 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual. Anggaran di bawah Kepala yang disebutkan di atas adalah seperti berikut:

Kepala B. 1	...	5,059,100	...	Untuk Parlimen.
Kepala B. 2	...	150,000	...	Untuk Majlis Raja-Raja.
Kepala B. 3	...	5,379,300	...	Untuk Juru Odit Negara.
Kepala B. 4	...	2,543,900	...	Untuk Suruhanjaya Pilihanraya.
Kepala B. 5	...	1,649,200	...	Untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
Kepala B. 6	...	122,900	...	Untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi.
Kepala B. 7	...	628,500	...	Untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.
Kepala B. 8	...	30,251,240	...	Untuk Jabatan Perdana Menteri.
Kepala B. 9	...	83,068,800	...	Untuk Jabatan Perkhidmatan Awam.
Kepala B. 10	...	8,149,010	...	Untuk Jabatan Kehakiman.
Kepala B. 11	...	537,850	...	Untuk Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah.
Kepala B. 12	...	1,079,000	...	Untuk Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak.

KEPALA B. 1—PARLIMEN

Jabatan Parlimen berkehendakkan peruntukan sebanyak \$5,059,100 bagi tahun 1975. Tidak ada tambahan kakitangan Jabatan Parlimen yang dicadangkan bagi tahun 1975. Seperti yang dimaklum Ahli Dewan Rakyat telah ditambah sebanyak 10 orang lagi tetapi peruntukan tambahan untuk mereka tidak sempat dibuat. Dewan ini akan diminta kemudian kelak bagi meluluskan tambahan peruntukan untuk mereka. Di antara tambahan yang diminta untuk tahun hadapan ialah \$10,000 untuk bayaran bil-bil talipon dan \$45,600 untuk bayaran sewa rumah rasmi bagi Yang di-Pertua Dewan Negara dan elaun sewa rumah Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 15 dalam Jadual Akta Saraan Ahli-ahli Parlimen 1960. Pecahan-kepala 2700 telah ditambah sebanyak \$49,200 untuk pembelian alat-alat pejabat untuk kegunaan semasa Persidangan-persidangan Parlimen.

KEPALA B. 2—MAJLIS RAJA-RAJA

Pejabat Majlis Raja-Raja telah diperuntukkan wang berjumlah \$150,000 bagi tahun hadapan iaitu berlebihan sebanyak \$2,559 saja. Tambahan itu ialah kerana kenaikan gaji tahunan dan elaun.

KEPALA B. 3—JURU ODIT NEGARA

Jumlah peruntukan yang dikehendaki bagi 1975 adalah sebanyak \$579,300 iaitu merupakan tambahan sebanyak \$276,300 berbanding dengan peruntukan yang diluluskan untuk tahun 1974. Sebahagian besar dari tambahan perbelanjaan tahun 1975 adalah untuk membiayai kenaikan gaji tahunan, dan untuk bayaran gaji 32 orang pegawai baru yang akan diambil tahun hadapan. Peruntukan telah juga disediakan bagi perbelanjaan mengurus Persidangan Juru-juru Odit Negara Komenwel Ke-8 yang akan diadakan di Kuala Lumpur tahun hadapan.

KEPALA B. 4—SURUHANJAYA PILIHANRAYA

Jumlah peruntukan Suruhanjaya Pilihanraya bagi tahun 1975 ialah \$2,543,900 berbanding dengan jumlah \$2,441,480 bagi tahun 1974 iaitu merupakan perbezaan sebanyak \$102,420. Di bawah Pecahan-kepala 1300, 2100 dan 2600 terdapat jumlah kekurangan sebanyak \$159,000 manakala di bawah Pecahan-kepala yang lain terdapat jumlah tambahan sebanyak \$261,420. Tambahan yang banyak berlaku di bawah Pecahan-kepala 2800 ini untuk bayaran elaun kepada kerani-kerani sementara pada masa pendaftaran pengundi-pengundi dan pada waktu pilihanraya-pilihanraya kecil. Selain daripada itu peruntukan tambahan adalah juga dikehendaki bagi membeli mesin gestetner, almari besi dan juga disebabkan harga bahan-bahan alatulis telah naik.

KEPALA B. 5—SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Anggaran perbelanjaan bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tahun 1975 berjumlah \$1,649,200 iaitu berkurangan sebanyak \$80,846 daripada peruntukan bagi tahun 1974, disebabkan pemansuhan beberapa jawatan Tambahsentina. Di bawah tajuk "Perkhidmatan dan Bekalan" terdapat tambahan sebanyak \$45,038 dibandingkan dengan peruntukan bagi 1974. Ini disebabkan oleh kenaikan harga-harga barang keperluan pejabat seperti petrol, alatulis, kertas, perabut, alat-alat gantian dan sebagainya.

KEPALA B. 6—SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KERETAPI

Jumlah peruntukan yang dikehendaki bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi bagi tahun 1975 ialah \$122,900 iaitu tambahan sebanyak \$7,425 sahaja. Tambahan ini adalah untuk membayar Elaun Bantuan Khas dan kenaikan gaji tahunan kakitangan Suruhanjaya.

KEPALA B. 7—SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang telah ditubuhkan dalam tahun 1974 berkehendakkan peruntukan sejumlah \$628,500. Jumlah peruntukan ini menunjukkan tambahan sebanyak \$100,000 daripada peruntukan tahun 1974. Ini disebabkan belanja mengurus bagi tahun itu dikira berdasarkan

kepada gaji minima untuk 8 bulan saja. Adalah dijangka bagi tahun 1975 semua jawatan di Suruhanjaya yang berjumlah 78 orang itu akan dapat diisikan semuanya.

KEPALA B. 8—PERDANA MENTERI

Anggaran perbelanjaan untuk Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 1975 berjumlah \$30,251,240 iaitu bertambah sebanyak \$5,486,271 daripada peruntukan tahun 1974. Sebahagian besar daripada tambahan ini adalah untuk subsidi kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Lembaga Perancangan Keluarga Kebangsaan. Selain daripada itu tambahan sebanyak \$1,455,008 telah dibuat di bawah tajuk gaji dan elaun. Ini disebabkan terutamanya kerana tambahan kakitangan di Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan dan di Pejabat Majlis Ugama Islam yang sekarang ini telah ditugaskan bagi mengurus hal-hal Ugama Islam di Wilayah Persekutuan.

KEPALA B. 9—JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Bagi tahun 1975 Jabatan Perkhidmatan Awam berkehendakkan peruntukan sebanyak \$83,068,800 iaitu tambahan sebanyak \$33,848,800 daripada tahun 1974. Tambahan ini ialah disebabkan urusan pentadbiran pencen sekarang ini dipusatkan di Jabatan Perkhidmatan Awam daripada Treasury. Oleh yang demikian, adalah wajar peruntukan bekalan yang dahulunya diletak di dalam anggaran perbelanjaan Perbendaharaan dipindahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Peruntukan ini bagi tahun 1975 ditunjuk di bawah Pecahan-kepala 4500 sebanyak \$22,110,000.

Satu lagi peruntukan baru yang telah dimasukkan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam ialah peruntukan sebanyak \$3 juta untuk bayaran Gantian Cuti Rehat kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang hendak bersara dan tidak dapat mengambil cuti rehat mereka sebelum itu atas sebab-sebab kepentingan perkhidmatan.

Untuk memenuhi keperluan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga kelak, Jabatan Perkhidmatan Awam memerlukan peruntukan sebanyak \$45 juta bagi tahun 1975 iaitu tambahan sebanyak lebih kurang \$5.7 juta untuk menambahkan lagi bilangan biasiswa

dan hadiah latihan kepada penuntut-penuntut atau pelajar-pelajar untuk mengikuti berbagai-bagai kursus sains dan teknologi di dalam dan luar negeri.

KEPALA B. 10—JABATAN KEHAKIMAN

Bagi tahun 1975 Jabatan Kehakiman berkehendakkan peruntukan sebanyak \$8,149,010 iaitu merupakan tambahan sebanyak \$381,010 atau lebih kurang 5% daripada tahun 1974. Tambahan sebanyak \$204,927 adalah untuk pembayaran Elaun Bantuan Khas, kenaikan gaji biasa dan untuk bayaran gaji 7 jawatan baharu di Sarawak dan Sabah. Selain daripada itu tambahan sebanyak \$101,800 telah juga dibuat untuk perjalanan dan pengangkutan.

KEPALA B. 11—PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN, SABAH

Untuk 1975 sejumlah \$537,850 adalah dikehendaki bagi membiayai pentadbiran Pejabat Setiausaha Persekutuan di Sabah. Ini merupakan tambahan sebanyak \$180,575.

KEPALA B. 12—PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN, SARAWAK

Bagi tahun 1975 peruntukan berjumlah \$1,079,000 adalah dikehendaki iaitu berkurangan sebanyak \$15,280 daripada peruntukan bagi 1974. Ini adalah disebabkan kerana Kementerian Hal Ehwal Sarawak telah dimansuhkan. Akan tetapi kebanyakan daripada kakitangan di Kementerian itu dahulu sekarang ini terus bekerja di Pejabat Setiausaha Persekutuan di Kuching Sarawak.

KEPALA P. 8—PERDANA MENTERI

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada Anggaran Pembangunan, 1975. Jumlah anggaran perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1975 bagi Kepala P. 8 adalah sebanyak \$131,594,378, berbanding dengan jumlah sebanyak \$150,216,360 bagi tahun 1974. Ini merupakan suatu potongan sebanyak \$18,621,982. Suka saya memberi sedikit maklumat mengenai perkara-perkara tertentu di bawah Pecahan-kepala yang berkenaan:

Pecahan-kepala 1. Peruntukan yang dicadangkan ialah \$50,000 iaitu untuk bayaran pengangkutan dan insuran bagi perkakas-perkakas, hadiah dari Kerajaan Canada di bawah Rancangan Colombo. Peruntukan ini

adalah bagi semua Kementerian/Jabatan, kecuali Kementerian Pelajaran, Keretapi Tanah Melayu dan MARA. Untuk tahun 1974 sebanyak \$100,000 telah dibekalkan.

Pecahan-kepala 3. Peruntukan sebanyak \$7.5 juta adalah dicadangkan bagi kajian-kajian kemungkinan dalam pelaksanaan dan juga kajian-kajian baharu yang akan dimulakan dalam tahun 1975.

Kajian-kajian baru itu ialah:

- (i) "Kuala Lumpur—Petaling Jaya Traffic Dispersal Links"—\$200,000;
- (ii) East West Highway Connection—\$1.3 juta;
- (iii) Jalan Seremban/Tampin/Yong Peng—\$1.3 juta;
- (iv) Jalan Ipoh/Tapah/Bidor—\$620,000;
- (v) Klang/Petaling Jaya/Damansara Highway—\$600,000;
- (vi) Kajian Jambatan Keretapi—\$150,000;
- (vii) Pembangunan daerah dan bandar bagi Pusat-pusat Perkembangan Baru—\$1 juta;
- (viii) Perancang dan Pembangunan Daerah Johor Selatan—\$300,000;
- (ix) Perancang dan Pembangunan Daerah Perak Utara—\$300,000;
- (x) Tembok Sungai Trengganu—\$1 juta;
- (xi) Rancangan Penyelidikan Pembangunan Ekonomi dan Sosial—\$165,000;
- (xii) Kajian Pelabuhan Dalam di Tanjung Kindurong, Bintulu, Sarawak—\$300,000; dan
- (xiii) Kajian Daerah Bandaran Kuching—\$32,000.

Pecahan-kepala 4. Peruntukan sebanyak \$40,000 adalah dicadangkan untuk menemui perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan berkenaan dengan kajian-kajian kemungkinan. Ini merupakan tambahan sebanyak \$10,000 dari jumlah bagi tahun 1974 yang berjumlah sebanyak \$30,000.

Pecahan-kepala 5. Peruntukan sebanyak \$50,000 adalah dicadangkan untuk peretakan lapuran-lapuran dan peta-peta punca-punca tanah untuk edaran kepada Pihak-pihak berkuasa Perancang Persekutuan dan Negeri-negeri. Bagi tahun 1974, wang sebanyak \$300,000 telah dibekalkan untuk Pecahan-kepala ini.

Pecahan-kepala 7. Peruntukan sebanyak \$63,789,300 adalah dicadangkan untuk Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara. Darpada jumlah ini, sebanyak \$2,160,600 adalah untuk Belanja Mengurus, \$20,649,000 untuk kemudahan-kemudahan (infrastructure) dan \$21,480,000 sebagai pinjaman atau loan. Darpada jumlah \$19.5 juta di bawah perkara Pembangunan Utama, \$14 juta diperuntukkan untuk Jalan-jalan dan \$5.5 juta untuk Bekalan Air. Dalam tahun 1975, Lembaga ini akan melaksanakan beberapa dari projek yang disyorkan dalam Pelan Induk. Ini termasuk projek-projek seperti penanaman sayur-sayuran, termakan ayam, keluaran kayu-kayan dan projek-projek industri seperti membuat resin, gum dan gypsum board.

Bagi tahun 1974, jumlah yang telah diperuntukkan adalah sebanyak \$28,225,000.

Pecahan-kepala 9. Lembaga Kemajuan Johor Tenggara, memerlukan peruntukan sebanyak \$42.4 juta. Darpada jumlah ini sebanyak \$1.3 juta adalah untuk Belanja Mengurus, \$14 juta untuk kemudahan-kemudahan dan \$4.6 juta untuk pinjaman. Di bawah perkara Pembangunan Utama, \$17.5 juta dicadangkan untuk Jalan-jalanraya dan \$5 juta untuk Bekalan Air. Dalam tahun 1975, Lembaga ini akan mengadakan kemudahan-kemudahan seperti jalan-jalanraya, bekalan air, bekalan letrik, jambatan bagi 2 pekan, 3 daerah dan suatu pusat pelancung. Lembaga ini juga akan membuka beberapa rancangan pembangunan tanah untuk tanaman kelapa sawit, pokok buah-buahan, pokok getah serta ternakan lembu. Peruntukan bagi projek-projek pembangunan ini ialah pinjaman dari pihak Kerajaan akan membiayai kemudahan-kemudahan infrastruktur dengan pemberian secara langsung. Jumlah bagi tahun 1974 adalah sebanyak \$32,650,670.

Pecahan-kepala 12. Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah, memerlukan wang sebanyak \$6,025,208. Darpada jumlah ini \$723,208 adalah untuk Belanja Mengurus, \$1 juta bagi kemudahan-kemudahan, dan \$4,302,800 bagi pinjaman. Rancangan pembangunan Lembaga akan bermula dalam tahun 1975 dengan mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur bagi pekan-pekan baru dan daerah-daerah baru. Lembaga juga akan melaksanakan beberapa projek pembangunan dengan cara "joint venture". Ini

termasuklah projek-projek ladang kelapa sawit, komplek kayu balak dan ladang rumput protein. Sebahagian besar peruntukan bagi tahun 1975 adalah pinjaman kepada Lembaga untuk digunakan sebagai "equity participation". Bagi tahun 1974 jumlah yang diperuntukkan adalah sebanyak \$560,680.

Pecahan-kepala 14. Pusat Pentadbiran Pembangunan Wilayah Asia berkehendakan peruntukan sebanyak \$2 juta untuk bayaran kemajuan bangunan Pusat tersebut. Pada tahun 1974 jumlah yang diperuntukkan adalah sebanyak \$1 juta.

Pecahan-kepala 15. Peruntukan sebanyak \$3 juta adalah dicadangkan kepada Negeri-negeri untuk jalan di luar bandar. Jumlah yang diperuntukkan bagi tahun 1974 adalah sebanyak \$8,000,000.

Pecahan-kepala 16. Peruntukan sebanyak \$1 juta adalah dicadangkan untuk lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar iaitu bagi maksud mengadakan beberapa kemudahan-kemudahan bagi penduduk luar bandar untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Jumlah bagi tahun 1974 adalah sebanyak \$3,000,000.

Pecahan-kepala 17. Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan berkehendak peruntukan sebanyak \$4,407,000. Darpada jumlah ini, \$407,000 ialah untuk Lembaga Perancangan Keluarga Kebangsaan, dan \$4 juta untuk Rancangan Perancang Keluarga Kebangsaan. Bagi tahun 1974, sebanyak \$1 juta telah diperuntukkan.

KEPALA P. 10—JABATAN KEHAKIMAN

Tuan Pengerusi, saya beralih pula kepada Kepala Pembangunan 10 untuk Jabatan Kehakiman yang berjumlah sebanyak \$1,940,810. Peruntukan ini adalah untuk:

- (i) Pembinaan 5 buah mahkamah-mahkamah baru di Taiping, Alor Setar, Port Dickson, Alor Gajah dan Rembau—\$800,500.
- (ii) Pembinaan sebuah bangunan Mahkamah Tinggi di Sibul—\$680,000.
- (iii) Pembinaan bangunan-bangunan mahkamah baru di Tawau dan Keningau dan tambahan kepada bangunan Mahkamah Tinggi di Sandakan—\$410,000.

- (iv) Kerja-kerja membaharui, meminda dan membuat tambahan kepada bangunan-bangunan mahkamah yang ada sekarang—\$38,300.
- (v) Untuk menggantikan perabut-perabut yang telah rosak—\$11,000.

Tuan Pengerusi, saya usulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1975 di bawah Kepala B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11 dan B. 12 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual, dan Anggaran Pembangunan di bawah Kepala P. 8 dan P. 10 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat memulakan perbahasan dalam Jawatankuasa ini, sebagai memperingatkan dalam Jawatankuasa ini kita cuma boleh bahaskan atas dasar khidmat bukannya dasar atau polisi Kerajaan pada amnya yang boleh disebutkan atau ditegur ialah atas dasar khidmat di bawah Kepala-kepala yang tersebut itu dan tidak boleh disentuh atas detailed expenditure. Itulah pesan saya sebagai panduan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

3.20 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam anggaran yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Terlebih dahulu saya hendak menyentuh tentang Kepala B. 8—Urusetia Perpaduan Negara. Saya telah buat kira-kira dan jumlah untuk Urusetia Perpaduan Negara ialah sebanyak \$4,514,694. This National Unity Board, I believe, has now taken the place of Kementerian Perpaduan Negara. Saya memang bersetuju perbelanjaan sebanyak \$4 juta lebih tetapi saya berharap Kerajaan mesti mengambil perhatian yang serious terhadap kerja ini. Oleh sebab kita di dalam Dewan ini tidak boleh menyentuh beberapa perkara yang sensitif tetapi di dalam Urusetia Perpaduan Negara misalnya mereka boleh membincangkan beberapa perkara sensitif dengan tidak terhad.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, on the surface of it, this country may look a very united country, people are happy—maybe,

the Government wants to project it that way. But we all know that there is a growing polarisation in this country which does not fool anyone; it does not certainly fool the Government and I do know that the Government is very concerned about this polarisation. Unfortunately, in a multi-racial society like this, happenings like recession, inflation, retrenchment and unemployment have overtones of racialism in them and if the Government does not study all these implications very carefully, then I am afraid one fine day, instead of everything being fine in the rose garden, we may find an explosion that may put the May 13th event like a tea party.

Mr Chairman, Sir, I say this because I do know in this National Unity Board, there are at least three members who can very well contribute to discussions on national unity and how best we can achieve national unity. I do know personally these three people—Adibah Amin of the *New Straits Times*, James Puthuchearry and Associate Professor Teo Jin In of the University of Malaya—the names of the other members of the Board elude me at the moment. These people, headed by the former Minister of National Unity, I gather, have adopted a new procedure whereby instead of meeting for two or three hours in the morning as the Committees of the former National Unity Council did, they go to isolated places like the Fraser's Hill and the like and debate issues of national importance for two or three days. This is all to the good and I do know that they do discuss lots of these issues that affect national unity in great depth. What worries me is this: the Government may not pay serious attention to the recommendations of the National Unity Board. If it does not do so, all this \$4 million plus that are in the estimates in Head B. 8 is just money thrown down the drain and we are wasting the valuable time of a newspaper leader writer, of a corporation lawyer and of a professor of psychological medicine.

I would like to make a plea to the Government because I do know that they are discussing things like, for example, the effects of unemployment and retrenchment on national unity and the effects of dissatisfaction amongst the Chinese over the educational system where it affects them, on

national unity. If having discussed all these and called all the various experts into consultation and discussed these things in great detail and thus they make recommendations to the Government and the Government, for political reasons, does not find it expedient to either listen or much less implement the recommendations of the National Unity Board, then I say, I repeat again, we are but wasting their time and wasting taxpayers' money.

Mr Speaker, Sir, the next Head that I wish to touch on is B. 10, Jabatan Kehakiman. During Question Time, the Honourable Prime Minister himself has stated that he is concerned with the great shortage of Magistrates and the like. Looking at this book where more detailed information is given, we are told that there are 12 High Courts in this country, there are 13 Sessions Courts and there are 93 Lower Courts. I say to the Government that these courts and the personnel that man these courts are far too little, and we do know even that those posts are not being filled. As I look at the list of cases before the High Courts, the Sessions Courts and the Lower Courts, I am alarmed at the increasing backlog of cases which accumulate year by year. Successive Lord Presidents have assured us that they would take this step and they would take that step to reduce the backlog but these cold figures speak for themselves. I will just quote some of them.

For example, in the case of the Session Courts, there were 4,737 cases before them in 1973. Cases that are coming before the Sessions Courts next year are 7,102, which means there is almost a 75% increase of cases and so it goes down the line. Coming to the Mahkamah Rendah, in 1973 there were 27,404 cases before them. Next year it is estimated that there will be 36,056 cases. So it goes on, and these cases go on being added on and this is a terrible state of affairs unless the Government takes drastic steps to increase the number of High Court Judges, Sessions Court Presidents and Magistrates for the Lower Courts—not only increase the courts but also increase the bodies. We are told by the Prime Minister that the Government is taking steps but I say that is not enough. Take, for example as evidence. Mr Chairman, Sir, of the Government's intent to reduce this backlog of cases. The Deputy Minister himself has stated that for next year

the allocation to build five court houses amount to \$800,500 and for repairs, it comes to a paltry \$38,000. What can you do with \$38,000? I ask the Honourable Members, many of whom are lawyers in this House and lots of them have been practising lawyers until very recently. They must be tearing their hair with rage at this sort of paltry allocations that the Government is making. Compare this, Mr Chairman, Sir—for example, I do know—with what PERNAS is doing. PERNAS is building a glorified 60-storey building in Kuala Lumpur worth \$100 million, and yet this Government which prides itself on the rule of law allocates only \$800,500 for the building of new courts and a paltry \$38,000 for, I will read it to Honourable Members, “membaharui, meminda dan membaiki bangunan-bangunan Mahkamah”. In these days of inflation, how much of memperbaiki can you do with \$38,000, Sir? Perhaps less than half a court house. And what is to happen to the leaking roofs of lots of the court houses up and down the country. Now. Mr Chairman, Sir

Tuan Pengerusi: Mengikut Peraturan, Yang Berhormat tidak boleh sentuh atas detailed expenditure. Orang yang membuat itu dia tahu banyak mana peruntukan yang dikehendaki. Kalau sentuh di atas dasar, boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Ini di dalam Committee Stage. Kita mesti sentuh tentang perbelanjaan yang dikehendaki.

Tuan Pengerusi: Detailed expenditure seperti \$38,000 untuk memperbaiki itu tidak boleh disentuh, tetapi wang itu pada dasarnya kalau minta dibaiki lebih boleh disentuh sambil lalu. Kalau hendak discuss jumlah belanja itu, Peraturan Mesyuarat tidak membenarkannya.

Dr Tan Chee Khoon: Bukan jumlah, Tuan Pengerusi. I want also to bring to the attention of the Deputy Minister that in this book here, we are told that there is only a token vote for the Hall of Justice in Jalan Duta. We are told in this explanatory note that the Hall of Justice is now being abandoned: “Pada dasarnya untuk menempatkan Mahkamah-mahkamah Persekutuan dan Mahkamah-mahkamah Tinggi di Bangunan Sultan Abdul Samad dalam Wilayah Persekutuan apabila ianya dikosongkan kelak.”

The Government now, it seems, has abandoned this idea of a Hall of Justice and is going to ask the High Court Judges to go to the Sultan Abdul Samad Building in Jalan Raja when the State Government moves to Shah Alam. I say when it will move is a matter of question—it may move out in 10 years. I do not say, Sir, that the Government should now build a Hall of Justice. Obviously it must rate low priority. But I say that as befits a country which proclaims loud and bold that it believes in the rule of law, it should build a Hall of Justice befitting this nation. It need not be a terribly expensive one. We can build one with far less than the \$100 million that is allocated for PERNAS or far less than the buildings that cost tens of millions that are being built by other statutory bodies, including UDA. I would commend to the Government that they should not abandon this idea of a Hall of Justice.

Coming back to the shortage of staff which plagues the Judiciary, I made a suggestion, Mr Chairman, Sir, the other day during Question Time that the Government should try to increase the intake of law students so that at the end of four years—from next year, for example—we can have a bigger number of law graduates and amongst other jobs that they can fill, they can fill the jobs which are very low down at the Mahkamah Rendah. Now, this is important because we all do know that the Government cannot compete with the private sector and therefore it loses out all the time the experienced Magistrates after three or four years. We cannot blame them for leaving if having received only less than \$1,000 in the public sector, they are offered \$2,000 in Bank Bumiputra and the like. But this is all to the good. The Government must be prepared to help recruit suitable recruits into the Judiciary. One way would be to increase the intake of law students into the Faculty of Law, University of Malaya. I tell the Government, Sir, that if it wants to increase the intake of law students from round about 50 now to a 100—and there is a proposal to do so—then the Government must instruct the Treasury to make a decision now, so that when the intake of law students into the Faculty of Law takes place in May next year, then there will be funds for such an intake. I hope that the Deputy Minister will persuade his Ministerial colleagues to make a very quick decision on this matter. I do know that the University of

Malaya is very keen and willing to increase the intake of law students into the Faculty but it depends on funds that are being made available by the Treasury.

Mr Chairman, Sir, I also wish to draw the attention of the Deputy Minister to the story that was highlighted in the Press the other day of the wrong “Samy” being sentenced. I do not know whether the Deputy Minister himself has read that story. Well, Sir, there were two Samys who were apprehended. Unfortunately

Tuan Pengerusi: Di bawah Kepala mana ini?

Dr Tan Chee Khoon: Di bawah Kepala B. 10. This is a question where two people with the same name were arrested. Unfortunately, one was drunk; the other was not drunk. The chap who was drunk did not know what he was doing and he pleaded guilty. The chap who was not drunk, was let off scot free. But it was the chap who was not drunk who was the guilty person and the innocent person was sentenced. Now, I would submit, Sir, that in order to prevent a miscarriage of justice of this nature, the proper thing would be to take the thumb print, as indeed eventually it was done. The thumb print of the wrongly sentenced person was taken and compared when he denied of having had a previous conviction. The taking of thumb print and comparing it with the previous one would have shown that they were two different Samys. Fortunately, this case was brought before Justice Azmi and he apologised to the wrongfully sentenced person, and quite rightly he asked the wrongfully sentenced person, “Why did you plead guilty?” The chap honestly replied, “Your Lordship, I was drunk. I did not know what I was doing.” I do hope that the Deputy Minister will bring to the attention of the Judiciary that they should do everything in their power, despite a person being drunk, to see that the wrong “Samy” does not get sentenced again.

Mr Chairman Sir, all these things that I have mentioned leads me to say that justice delayed is justice denied, and I do hope that the Government will take all steps to see that there are adequate funds for the building of Sessions Courts and Lower Courts and for the recruitment of the requisite personnel so that

this huge backlog of cases, both criminal and civil, will be reduced to manageable proportions.

Mr Chairman, Sir, I now come to Head B. 3, Juru Odit Negara. I have stated it before in this House and I would like to repeat it again that were it not for the Juru Odit Negara, then all these sins of omission and commission of all the Ministries in this country and all the statutory bodies will be buried in dusty files and nobody would know of them. Fortunately, the Juru Odit Negara does probe into the public expenditure very carefully and gives us from year to year excellent reports. Regretfully, I see that despite the increased workload, there is no increase of personnel, and I would hope that the Government would see to it that there are increased allocations for the Jabatan Juru Odit Negara, so that it can cope with the increasing volume of work.

Mr Chairman, I would also hope that the Government would insist that the accounts of not only the Government Departments and statutory bodies but also the private enterprises which are financed largely from public funds should be examined by the Juru Odit Negara. The other day we heard the Minister of Primary Industries tell us that FIMA lost \$800,000 in 1972, if I am not wrong, and \$3,000,000 plus in 1973. Those are not small sums, Mr Chairman, Sir, and these are big sums. I gather that the reason why accounts of FIMA are not audited by the Juru Odit Negara is that it is a private enterprise. But I say that despite the fact that it is a private enterprise, because of the huge subsidy it has received from the public funds—up-to-date I believe a sum of \$20 million has been allocated to FIMA—the taxpayer is entitled to know what is happening in FIMA. If the Juru Odit Negara were to be given the task of auditing those accounts, then those of us in this House who make it our duty to read carefully the reports of the Juru Odit Negara will also see that public funds are not wasted in this country.

Mr Chairman, Sir, I come to Head B. 7, Public Services Commission, page 34 of the Anggaran Belanjawan. We are told that unemployment is not a worrying factor in this country. But we can see from the explanation in this Book that bilangan permohonan yang diterima in 1973 was 222,801 and the number of people who were

taken in was 3,919; and in 1974 250,000 applications were received and the number of people taken was only 4,000. It means that for every 62 applicants only one applicant is recruited. For 1975, 300,000 applicants are expected to apply for jobs in the public sector and the number of places to be found is only for 4,500 people. Mr Chairman, Sir, notwithstanding the fact that it is being deluged with such a huge number of applicants for jobs in the public sector, I do hope that the P.S.C. will find its way to make its selections very expeditiously, so that people who hope to serve with the Government do not turn to the private sector, because they cannot afford the luxury of waiting for months on end for a decision from the P.S.C.

Mr Chairman, Sir, I also wish to touch on Head B. 7, Education Service Commission. We have been told by the Minister of Education that there are 12,000 temporary teachers. I do know for a fact that quite a number of trained teachers have left the service for one reason or another. Perhaps, some of them feel that they can try their hand in business—and not everybody can be a successful businessman and some may fail—and some of them may want to go back to teaching. I do hope that the Education Service Commission will consider such cases very sympathetically. I do know, for example, that once one leaves the service of the Government or the service of the Ministry of Education, one has literally burnt one's boat. But those people that I am alluding to—teachers or other Government servants who have left the Government Service and tried their hand in other jobs and perhaps failed and now want to come back—are not looking for permanent jobs; what they are looking for is perhaps a contract job for one year or three years or a job of that nature. I do hope that the Education Service Commission will find its way to taking back these trained teachers who are in so short supply in this country.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergerusikan Jawatankuasa*)

Mr Chairman, Sir, to make no bones about returning to the Election Commission, the Election Commission, it seems to me, is impervious to suggestions from those of us in this House or the people outside this House. We have both inside this House and outside this House suggested that there should be an

all-the-year-round registration of voters. Unfortunately, although the Government itself admits that that is a good idea, this has not been implemented by the Election Commission; instead of which in the recent exercise, only 15 days were allocated for the registration of voters. I call on the Prime Minister's Department to let us know as quickly as possible when the Committee that is investigating into the activities of the Election Commission will complete its job and make it known and let us know what sort of recommendations it makes with regard to the workings of the Election Commission, because as it is more people are being disenfranchised than are being enfranchised in this country with the result that this is a denial of human rights in this country.

Mr Chairman, Sir, the Honourable Deputy Minister also touched on the huge sums of money being spent on various feasibility studies—they run into tens of millions of dollars—such as Johor Tenggara, Pahang Tenggara and the like. I want to make a plea with the Government that while it is true that sometimes such expertise is not available in this country, the Government should look at our home-grown “products” first. Whilst the Government should see whether such expertise can be tapped in this country and such experts that we have in this country are made use of first before we go abroad to bring experts at great expense to the taxpayer and these foreign experts take some time to study local conditions and perhaps give us the wrong advice. I say this because in the private sector there is a great deal of expertise—the chaps who have left the university, for example, the chaps who have left the Government after serving as experts in the Government for varying lengths of time—and these people can be usefully tapped for the various feasibility studies that the Deputy Minister mentioned. I make a plea that let it not be said that the “Prophet is without honour in his own country”.

Then there is this matter of family planning. Despite what the Deputy Minister has said, I say that the family planning efforts and the results are not impressive enough and the population growth in this country, if anything, is very alarming. Now, I do not say that the Family Planning Board is sitting on its bottom and is not doing any work, but I do say that it should make

greater efforts to see that the rate of population growth in this country is brought down. Then the taxpayers will have a chance to catch up with the population growth, because if the population growth is unchecked, then whatever impressive gains we may make by way of G.N.P., by way of *per capita* income, all that will be lost by the millions of extra mouths that we have to feed every year.

Again I stand corrected, but I think I am correct when I say that there has been a loan from a foreign source for the Family Planning Board but that fund has not been used, which means, Mr Chairman, Sir, that we are paying interest on a loan that is not being used and I say this is a wanton waste of public funds. If what I gather is correct, and I stand corrected

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, loan ini di bawah Kepala mana?

Dr Tan Chee Khoon: This is on Family Planning—B. 8.

Tuan Pengerusi: Tak boleh agak-agak. Jangan marayau-rayau, ibarat memeriksa orang sakit, terus tumpukan pada tempat yang sakit.

Dr Tan Chee Khoon: Finally, Mr Chairman, Sir, I wish to touch on the expenditure on Parliament. We are told by the Deputy Minister that there is no increase in staff for Parliament despite the fact that the Members in this House have been increased from 144 to 154 and no doubt the volume of work has also increased. I do not think the staff of Parliament grumble at the extra work that they have to do, tetapi mereka berharap Kerajaan boleh mengadakan sekim yang lebih sesuai, a little more attractive to the staff of Parliament, because we do know that Parliament is a “closed service”, the opportunities of promotion are very little, and they do deserve, I think, a little more attractive Scheme of Service so as to enable us not to lose our staff in Parliament.

In this connection, Mr Chairman, Sir, despite the inflation and the need to cut down on expenditure, I do hope that the Deputy Minister or his colleague on his side, the Deputy Minister of Finance, will find his way to giving Parliament a little extra money for

them to print the stencilled version of the *Hansard* so that people who have to use these notes can find them available. I gather that only a limited number of copies are being printed because the allocation for paper for this purpose has been drastically cut.

Mr Chairman, I conclude my remarks on these expenditures that are being asked for by the Deputy Minister by saying that while I support by and large most of these expenditures, I do hope that the Government will pay attention to the points that I have raised, particularly with regard to the increased allocation for the Judiciary in this country.

3.55 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, di antara perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong ialah perkara yang saya sendiri menganggap tak patut kita memandang sebagai perkara parti atau yang patut kita sangat berselisih dari segi pendapat misalnya, pada soal pentingnya Lembaga Perpaduan Negara. Saya percaya pada kedua pihak dalam Dewan ini tak kira sebarang parti, mana parti sahaja, kita mendokong segala usaha untuk melaksanakan perpaduan seerat-eratnya di antara kita. Tetapi di sini saya suka mengambil peluang menegur sedikit berkenaan dengan corak, bentuk ataupun nama ataupun haluannya, dari nama L.P.N. atau Lembaga Perpaduan Negara. Tujuan perpaduan itu adakah berasas kepada kebangsaan ataupun berasas kepada "state" atau "negara". Saya tidak mahu memanjangkan perkara itu, sebab saya fikir ada banyak ahli-ahli Lembaga itu yang cerdik-pandai, yang ada kelulusan yang tinggi dan yang sangat faham di lapangan sosiologi dan sebagainya. Saya cuma mengusulkan mereka yang telah diberi tanggungjawab supaya bermula pada nama pertubuhannya sendiri supaya dapat diper-sesuaikan. Bagi pihak saya sendiri saya syorkan bahawa barangkali lebih sesuai kalau perkataan "kebangsaan" digunakan, bukan "negara".

Saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepong tentang pentingnya soal kehakiman, soal undang-undang ini dari segi demokrasi, segi pemerintahan secara demokrasi. Dan juga apabila saya memandangkan angka-angka yang terdapat dalam

Anggaran Belanjawan ini di mana kita dapati dalam tahun 1973 di bahagian jenayah yang pada mula tahunnya ada baki 1,004 kes yang dibawa daripada tahun dahulu ke tahun 1973, kita dapati berakhir pada tahun 1973, 1,328 kes yang ditunda dan dibawa ke tahun 1974. Dan pada permulaan tahun 1974 pula dengan bermula kes-kes yang dibawa pada tahun 1974 sebanyak 1,328 dianggarkan bahawa pada penghujung tahun ini tidak kurang jumlahnya 1,736 kes akan ditunda dan dibawa ke tahun hadapan. Dan bagi tahun hadapan, tahun 1975 bermula dengan 1,736 kes ada anggaran bahawa pada penghujung tahun 1975 tidak kurang daripada 2,004 kes akan dibawa ke hadapan, yakni dalam tempoh dua atau tiga tahun, bermula pada permulaan tahun 1973 dan pada akhir tahun 1975, bilangan kes-kes yang akan ditunda dan akan dibawa ke hadapan sudah berlipat-ganda 100%. Lebih dahsyat lagi dari segi kes-kes sivil di mana pada permulaan tahun 1973, ada 2,149 kes. Pada hujung tahun 1973 sudah terkumpul 4,737 kes. Lebih daripada dua kali ganda, dan pada tahun ini kita telah bermula dengan backlog 4,737 kes dan dianggar bahawa pada hujung tahun ini akan tertinggal atau bakinya sebanyak 7,102 kes yang belum tamat yang akan dibawa ke tahun hadapan. Dan dianggarkan dengan keadaan semacam ini pada hujung tahun depan, tahun 1975, akan terdapat 8,635 kes yang terbaki dan tertinggal yang mesti dibawa ke tahun 1976, yakni bermula pada awal tahun 1973 dengan 2,149 kes akan terdapat pada hujung tahun 1975 dalam tempoh 3 tahun 8,635 kes, iaitu empat kali ganda.

Kita tak boleh berselisih pendapat di sini tidak kira mana-mana parti, iaitu untuk pemerintahan secara demokrasi, tak dapat tidak mesti berasaskan kepada kedaulatan undang-undang (must be based on the rule of law) dan sekiranya kita berpegang kepada undang-undang sebagai asas susila pemerintahan kita ini satu perkara yang sangat penting (urgent) diselenggarakan. Kalau undang-undang tak dapat dijalankan, kehakiman tak dapat disempurnakan, penilaian, penghargaan dan kepercayaan terhadap undang-undang akan tergendala dan asas demokrasi yang berpegang kepada undang-undang akan tergoncang.

Saya juga tertarik kepada keadaan di bawah Kepala B. 10 tentang bekalan-bekalan yang telah dianggarkan untuk tahun 1975

dan tertarik kepada satu keadaan yang ganjil kalau dibandingkan dengan anggaran bagi lain-lain Kementerian ataupun jabatan. Untuk tahun 1974 anggaran Gaji dan Upahan untuk Jabatan Kehakiman ini ialah sebanyak \$5,961,451 akan tetapi untuk tahun 1975 pula bukan menambah kadar anggaran ini seperti mana lain-lain Kementerian atau lain-lain jabatan, sebaliknya terdapat bahawa yang dianggarkan untuk tahun 1975 untuk gaji dan upah ialah sebanyak \$5,900,365 iaitu kurang daripada peruntukan bagi tahun sudah. Ini mungkin timbul kerana pihak yang berkuasa tidak yakin yang mereka akan dapat kakitangan yang secukupnya bagaimana mereka telah mengalami setakat ini.

Saya sungguh tertarik hati kepada satu berita beberapa hari yang lepas yang menyatakan Kerajaan telah mengambil langkah untuk mendapatkan magistrate baru walaupun cara emergency dan sebagai cara sementara, akan tetapi saya rasa sangat penting ikhtiar dan usaha dijalankan untuk mendapatkan pegawai-pegawai menjadi hakim (magistrate) dan sebagainya untuk menjalankan pentadbiran kehakiman dan keadilan ini. Boleh jadi pendapatan di luar di lapangan swasta lebih lumayan, lebih baik dan susah dan payah hendak menarik orang yang sudah ada kelulusan dari segi ilmu undang-undang ini menjadi hakim (magistrate). Ini barangkali bukanlah pula salah Kerajaan akan tetapi boleh kita ikhtiar, boleh kita carikan jalan bagaimana kita dapat menambahkan bilangan pegawai-pegawai sehingga secukupnya untuk menjalankan pentadbiran keadilan dan kehakiman ini.

Saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada amalan yang dilakukan di negeri-negeri lain. Di dalam negeri kita ini menurut dan mengikut contoh British, kita juga ada J.P.-J.P. (Jaksa Pengaman) tetapi nampaknya J.P.-J.P. kita ini cuma menjadi saksi, menandatangani dan entahlah apa kerja dia lagi, samada kita tiru setengah jalan atau separuh sahaja, kita tidak menjalankan apa yang dijalankan oleh J.P.-J.P. di negeri Inggeris. Di negeri-negeri Inggeris J.P. itu juga digelar magistrate, kerana mereka pada hakikatnya menjalankan kerja sebagai "lay magistrate" yang dibezakan daripada "stipendiary magistrate".

Saya pernah melihat magistrate-magistrate ini menjalankan kerja mereka. Bertiga-tiga mereka duduk sama di atas bench menjadi hakim (magistrate) dan mereka menimbang-nimbang perkara-perkara yang kecil, perkara-perkara yang tidak begitu payah, yang orang biasa, yang sedikit pelajaran, yang ada otak yang waras boleh menjalankan mengikut undang-undang yang senang. Tidakkah sampai masanya kalau kita menghadapi keadaan semacam ini di mana tidak cukup magistrate-magistrate, tidakkah barangkali elok kita mengkaji kemungkinan ini? Janganlah kita bebankan "stipendiary magistrate" ini yang bergaji, yang pandai, yang lulus undang-undang ini menjalankan kehakiman atas perkara-perkara lain yang kecil-kecil seperti mencuri ayam seekor, menunggang basikal dengan tidak mematuhi peraturan lalulintas ataupun perkara-perkara yang boleh dijalankan oleh J.P.-J.P. kita. Ini satu perkara, Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengemukakan untuk pertimbangan pihak yang berkuasa supaya dapat kita merengangkan beban yang dipikul oleh hakim-hakim (magistrate) kita supaya dapat kita membereskan keadaan sekarang yang sangat tidak menyenangkan.

Di bawah Kepala B. 8—Jabatan Perdana Menteri. Saya suka mengambil kesempatan ini menyatakan penghargaan saya dan saya rasa semua rakyat ini tentang usaha dan kerja Biro Siasatan Negara dan juga mengambil kesempatan ini meminta supaya Biro Siasatan Negara diberi arahan untuk menyiasat serta terus mengawasi penyeludupan beras dan lain-lain barang-barang keperluan dari negeri ini ke Singapura.

Saya sendiri ada mendengar khabaran-khabaran yang tak dapat saya pastikan, yang menyatakan bahawa tidak begitu payah, tidak begitu susah menyeludup beras dan lain-lain barang keperluan ini dari negeri kita masuk ke Singapura, kerana dengan pembayaran sebanyak hanya \$400 sebuah lori senang sahaja benda-benda ini dapat dibawa ke Singapura. Boleh jadi khabaran ini dusta, tidak betul, saya tak dapat memastikan, tetapi saya membuat rayuan ini sebab saya fikir tentulah tidak ada asap kalau tidak ada apinya dan barangkali ada juga sedikit-sedikit perkara yang patut diselidiki dan diperiksa. Sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pada 27 haribulan kelmarin, pada setiap

kati beras yang dimasukkan ke dalam negeri ini untuk dijual dengan harga yang murah kepada rakyat jelata kita, Kerajaan memberi tampungan (subsidy) sebanyak kira-kira 24 sen. Dengan ini berertilah bahawa sesiapa yang membawa beras kita keluar dari negeri ini, bawa seludup ke Singapura, perbuatan itu tidak kurang buruk daripada perbuatan pencuri yang mencuri 24 sen pada tiap-tiap kati beras daripada kita semua tiap-tiap orang rakyat negeri ini, dan perbuatan ini tidaklah kita boleh diamkan sahaja.

Saya harap Biro Siasatan Negara yang mempunyai pegawai-pegawai yang terpilih yang berkebolehan dan dipercayai oleh Kerajaan itu akan dapat bertindak supaya perbuatan khianat semacam ini dapat diberhenti dan ditamatkan.

Saya juga tertarik hati bila membaca buku tebal ini dan dapat memerhatikan bahawa selain daripada mesyuarat tiap-tiap minggu, ada juga sebuah jawatankuasa yang dinamakan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai Beras dan lain-lain barang keperluan. Nampaknya pada tahun 1973 Jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak 14 kali. Pada tahun ini akan bersidang 24 kali dan pada tahun hadapan juga dijangka akan bersidang 24 kali. Nampaknya Jawatankuasa inilah yang bekerja kuat sekali yang bersidang kerap sekali

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat bercakap di bawah Kepala berapa?

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Ini berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri—Kepala 8. Saya menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada Kepala P. 8 Pecahan-kepala 15 dan 16 dan saya suka juga menegur sedikit iaitu di bawah Pecahan-kepala 15 dalam Kepala P. 8 ada diuntukkan pemberian kepada Negeri-negeri untuk jalan di luar bandar. Pada tahun 1975 ini hanya sebanyak \$3 juta berbanding dengan pemberian pada tahun 1974 sebanyak \$8 juta dan di bawah Pecahan-kepala 16 dalam Kepala P. 8 ada peruntukan pemberian untuk lain-lain rancangan pembangunan luar bandar sebanyak \$1 juta sahaja pada tahun 1975 berbanding dengan \$3 juta yang telah diuntukkan untuk tahun 1974.

Saya sedar dan faham tentang sebabnya peruntukan ini telah menjadi kurang berbanding dengan tahun 1974. Ini ialah

disebabkan kadar wang baki daripada apa yang telah diuntukkan untuk tempoh Rancangan Malaysia Yang Kedua bagi lima tahun 1971 sehingga 1975. Tetapi memandang kepada kemerosotan ekonomi (economic recession) yang akan dihadapi oleh seluruh dunia yang tentu sahaja akan mendatangkan kesan atas keadaan ekonomi kita sendiri dalam negeri ini, saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan menimbangkan peri mustahaknya Kerajaan mengambil langkah-langkah counter cyclical melawan aliran kemerosotan ekonomi yang dijangka itu. Sebagaimana telah dibayangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kelmarin di dalam Majlis ini Kerajaan akan terus bergiat di lapangan pembangunan khususnya di lapangan melebihi atau membanyakkan makanan dan pembinaan. Saya harap Kerajaan akan menumpukan perhatian yang sewajarnya kepada kawasan-kawasan luar bandar kerana di kawasan-kawasan luar bandarlah dapat kita menambahkan usaha kita mengeluarkan lebih hasil makanan dan perlulah kita menambahkan anggaran perbelanjaan untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membina jalan-jalan di kawasan luar bandar sesuai dengan tujuan kita untuk menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan itu. Dengan merosotnya harga getah, kalau anggaran perbelanjaan untuk lain-lain rancangan pembangunan luar bandar dapat ditambahkan juga dan penduduk-penduduk luar bandar digunakan bekerja dalam pembinaan dan pembangunan itu, bolehlah mereka dapat menambahkan pendapatan mereka dengan pencarian-pencarian dalam pembinaan itu.

Sungguhpun saya tahu berbagai-bagai rancangan pembangunan luar bandar sudahpun dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan bermula pada tahun 1976, akan tetapi saya berpendapat bahawa dengan keadaan ekonomi yang kita sedang menghadapi ini mungkin ada baiknya Kerajaan betul-betul menimbangkan tentang kebijaksanaannya mengawalkan beberapa rancangan-rancangan supaya dapat rancangan-rancangan tersebut di kawasan luar bandar termasuk membina jalan dan lain-lain rancangan luar bandar itu dilaksanakan dalam tahun 1975 juga, tidak payah ditunggu sehingga 1976.

Juga saya suka menyatakan sepatah dua berkenaan dengan Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan. Ini termasuk dalam Pecahan-kepala 4100 (13) didapati dalam anggaran ini peruntukan bagi tahun 1974 sebanyak \$2,961,970 sebagai pemberian kepada Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan pada tahun 1974. Akan tetapi bagi tahun 1975 peruntukan yang ditunjukkan dalam anggaran perbelanjaan ini ialah hanya \$100,000. Tetapi bila kita membaca pula buku tebal yang disediakan oleh Perbendaharaan di muka surat 27 maka didapati bahawa pihak Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan ada membuat peruntukan sebanyak \$3,662,600 untuk perbelanjaan tahun 1975. Yang saya suka hendak bertanya ialah dimanakah disorokkan \$3,562,600 lagi itu? Saya cari, tidak dapat! Walau bagaimanapun saya suka mengambil peluang ini memberi sedikit pendapat yang agak luar biasa sedikit, sebab semua termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi menyokong dan menganjurkan supaya kita lebih giat di lapangan perancang keluarga ini.

Saya sendiri sepuluh lima belas tahun dahulu juga tertarik, akan tetapi baru-baru ini saya telah mula termenung sedikit. Banyak orang yang berfikir, sudah mula menyoal tujuan-tujuan yang benar bangsa-bangsa yang besar dan yang berkemajuan yang menganjurkan supaya bangsa-bangsa di Asia, Afrika dan Latin Amerika bergiat dan mengamalkan perancang keluarga pada hal mereka sendiri yang sesak dengan beratus-ratus juta penduduk, berpuluh-puluh juta penghuni negeri masing-masing tidak pula mengadakan galakan untuk mengadakan perancang keluarga. Sebaliknya, boleh dikatakan tiap-tiap negeri yang maju, yang sudah berindustri barangkali boleh jadi kerana mereka itu kaya, akan tetapi pada hakikatnya memang benar samada Amerika Syarikat, Britain negeri-negeri Eropah, Soviet Union bukan sahaja mereka tidak menahan ataupun cuba mengurangkan, bilangan anak-anak mereka, penduduk-penduduk mereka, akan tetapi sebaliknya mereka berusaha dan bergiat untuk menambahkan bilangan umatnya dengan memberi berbagai-bagai elaun, ibu-ibu diberi galakan untuk menambahkan anak-anak. Misalnya, di Soviet Union setiap-tiap tahun, sebagaimana kita di sini tiap-tiap tahun pada hari keputraan Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita semua tunggu-tunggulah barangkali dapat bintang-bintang dan kehormatan, begitu juga di sana ada cara dan kehormatannya, dan setiap-tiap tahun sebarang wanita, sebarang ibu di Soviet Union yang sudah melahirkan 10 orang anak diberi kehormatan yang setinggi-tingginya sebagaimana hero dan juga diberi hadiah wang dan sebagainya.

Ini yang menimbulkan soalan disisi beberapa orang yang selama ini tertarik-tarik macam saya sendiri, kerana kita mahukan kemajuan, kita mahu membasmi kemiskinan, kita mahu orang kita semua senang, akan tetapi barangkali masanya sudah tiba, apabila kita sudah lebih sedar menyoal diri patutlah kita diheret-heret, ditarik-tarik menurut telunjuk bangsa yang besar-besar ini yang suruh kita buat perkara yang mereka tidak sendiri buat.

Tambahan pula, saya rasa kita mesti sedar negeri Inggeris itu sendiri luas negerinya separuh daripada luas negeri kita. Akan tetapi, penduduk negeri Inggeris itu tidak kurang daripada 50 juta berbanding dengan kita 10 juta. Tanah kita luas, tanah kita subur, luas ada lagi tanahnya jangankan setakat 10 juta yang ada sekarang ini—20 juta, 30 juta, 40 juta, 50 juta dengan izin Tuhan kita sanggup menampung umat penghuni yang berlipat-ganda bilangannya.

Saya di sini barangkali mengeluarkan satu pendapat yang agaknya berlainan sedikit daripada orang yang lain, akan tetapi perasaan ini timbul dari rasa kebangsaan mengenangkan kepada kepentingan bangsa dan negara kita di masa yang akan datang. Timbulnya daripada perkiraan dan perhitungan strateji di masa yang akan datang. Sedarkah kita bahawa di dalam rantau Asia Tenggara ini negeri kitalah yang begitu kaya, begitu luas dan begitu banyak sumber kekayaannya, akan tetapi bilangan penghuninya jikalau dibandingkan dengan penduduk negeri-negeri sekeliling kita, negeri-negeri jiran kita, kitalah paling lemah dan kitalah paling kurang bilangannya. Penduduk negeri kita 10 juta, Indonesia 120 juta, negeri Thai tidak kurang 45 juta, negeri Filipina tidak kurang 45 juta.

Tahukah kita bahawa di dalam negeri Burma sebarang kegiatan perancangan keluarga ditegah secara undang-undang.

Undang-undang menegah sesiapa meng-
anjurkan pengamalan perancangan keluarga.
Tentu orang Burma tidak kurang cerdik dan
tidak kurang mahu kemajuan daripada negeri
kita.

Saya ingatkan lagi sekali, untuk kepen-
tingan negara, untuk kepentingan strategi kita
di masa yang akan datang untuk memper-
tahankan segala kekayaan yang Tuhan telah
beri kepada kita, begitu banyak, kaya
dengan minyak dan sebagainya. Kita mesti
sediakan umat yang cukup dan sanggup
mempertahankan negeri ini. Kekuatan dan
Kebesaran Negeri Tiongkok misalnya, bukan
kerana kekayaannya, bukan kerana ke-
majuannya yang dapat dibanding dengan
negeri lain, akan tetapi mahupun Soviet
Union mahupun Amerika segan, barangkali
berfikir dua tiga kali sebelum dia rasa hendak
melanggar atau membuat sebarang per-
buatan yang akan mendatangkan per-
tentangan kerana di sana ada 800 juta
manusia. Kalau hendak bunuh, hendak habis-
kan tidak begitu senang.

Di sini saya kata barangkali perlu menim-
bang semula soal perancangan keluarga ini.
Kita tidak terdesak, kita mempunyai taraf
kehidupan ekonomi lebih tinggi daripada
semua negeri sekeliling kita, dan kalau
terdesak pun barangkali di bandar-bandarlah
sedikit. Kalau kita mesti cuba juga peran-
cangan ini, barangkali kita cuba dulu di
bandar-bandarlah yang mana banyak orang,
tetapi di kampung-kampung barangkali belum
lagi sampai masanya. Yang saya hairan ini
bila baca lapuran yang ada terkandung
Anggaran Perbelanjaan yang disediakan oleh
Perbendaharaan ini, terdapat bukan sahaja
di kampung-kampung, tetapi sudah masuk
ke kawasan-kawasan FELDA. Sedangkan
dengan keadaan ekonomi kita hari ini kalau
kita menganjurkan amalan ini berasaskan
kepada soal kemiskinan dan soal hendak
meninggikan taraf kehidupan dan sebagainya
barangkali satu golongan, barangkali satu
kaum yang lebih tertarik daripada kaum
yang lain. Dan memerhatikan kepada ke-
adaannya lebih ramai orang Melayu menjadi
kakitangan dan pegawai-pegawai dalam
Lembaga Perancang Keluarga ini, tidak
hairan kalau lebih banyak orang-orang
Melayu tertarik dan menerima perancangan
keluarga ini. Awas! Sedar! bahawa jikalau
kita tidak betul-betul menjagakan perkara ini

boleh timbul satu ketika di mana per-
imbangan antara kaum di negeri ini pun ter-
pisung dan akan menimbulkan berbagai-
bagai perkara yang akan lebih kusut. Saya
tidak membangkang amalan atau anjuran
yang dijalankan oleh pihak sukarela. Kalau
sesiapa mahu jalankan, jalanlah dan kalau
ada juga orang yang kuat semangat hendak
anjurkan, anjurkanlah, tetapi barangkali
sudah sampai masanya untuk pemerintah
dan Kerajaan timbang kembali samada
Kerajaan sendiri mesti bertindak, mesti ber-
giat dan mesti menjalankan perkara ini
sebagaimana telah dijalankan selama ini.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara, rengkas
sahaja yang saya tertarik hati sedikit ber-
kaitan dengan Lembaga Urusan dan Tabung
Haji. Waktu kapal "Malaysia Kita" ter-
bakar di Singapura tidak berapa lama dahulu
telah tersiar di suratkhbar gambar kapal ini.
Itulah kali yang pertama saya terkejut, ter-
nampak, bahawa kapal itu sungguhpun
namanya "Malaysia Kita" akan tetapi dia
mengibarkan bendera asing, dia bukan kapal
Malaysia sungguhpun namanya "Malaysia
Kita". Dan saya percaya lain-lain kapal
sama dengan syarikat ini juga yang mem-
bawa bakal haji itu bukan kapal Malaysia.
Saya tidak mahu kata apa-apa, cuma hendak
tanya sahaja pihak yang berkenaan kenapa-
kah tidak boleh kita gunakan kapal kita
sendiri yang mengibarkan bendera kita
sendiri, sebagaimana kita menggunakan
MAS, penerbangan Malaysia untuk mem-
bawa orang dengan kapalterbang.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi.

4.29 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya suka meng-
ambil bahagian ketika perbahasan di dalam
peringkat Jawatankuasa ini.

Pertama sekali, saya ingin menyentuh
berkenaan dengan B. 4—Suruhanjaya Pilihan-
raya. Saya mengucapkan terima kasih kepada
Suruhanjaya Pilihanraya kerana dapat meng-
adakan kelengkapan-kelengkapan yang cukup
untuk menghadapi Pilihanraya Kebangsaan
baharu-baharu ini dan dapat berjalan dengan
sempurna yang mana dapat disaksikan oleh
seluruh rakyat negeri ini. Cuma saya ingin
sebutkan di sini ialah berkenaan dengan satu
perkara yang sibuk berlaku di hari pilihan-
raya itu ialah kurangnya pengundi-pengundi

yang dapat pergi mengundi. Dengan sebab mereka tidak ada nama dalam kertas pemilihan dan saya dapat tahu ada Menteri-menteri yang setengahnya pun tidak ada nama. Saya rasa perkara ini adalah perkara besar juga dengan sebab kalau orang-orang kita yang bertanding dalam pilihanraya, apakala pengundi-pengundi tidak dapat mengundi, mereka marah pula kepada kita: "Awak ini hendak bertanding sangat, saya hendak mengundi tidak boleh." Jadi kita yang jadi calon pula kena marah.

Tuan Pengerusi, saya rasa perkara ini perlu diperbaiki, kerana setahu saya pendaftaran pengundi di masa yang lalu kebanyakannya diserahkan kepada orang-orang baharu iaitu dari kalangan belia, kerana khabarnya desakan dari kaum belia hendak dapat kerja, maka diberilah kepada belia. Sebelum itu pendaftaran pengundi dilakukan oleh pegawai-pegawai khas seperti pegawai-pegawai dari Pejabat Daerah yang ditugaskan dalam bahagian itu dan dibantu oleh Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung di mana mereka mengetahui bilangan-bilangan dan orang-orang yang ada di tempat masing-masing. Tetapi apakala diserahkan kepada belia, belia ini orang baru, mereka tidak kenal secara masaknya di tempat-tempat yang tertentu. Mereka pergi pada kali yang pertama, orang itu tidak ada di rumah. Kali yang kedua, orang itu pun tidak ada juga, maka dipotonglah namanya dalam senarai pemilih, sedangkan orang itu bukan tidak ada, mereka ada, cuma kadang-kadang pergi ke hutan, pergi ke tempat yang jauh menjalankan tugas kerja. Pada hal sebelum itu di masa yang lalu pendaftaran dilakukan oleh Penghulu-penghulu atau Ketua Kampung, mereka tidak perlu pergi, mereka ingat di kampung ini, misalnya saya jadi Penghulu. Di kampung itu ada 200 keluarga. Kita sudah ingat si Dolah si Mamat, si Musa mereka mempunyai anak-anak lelaki yang sudah cukup 21 tahun dan mereka perlu pergi mengundi. Jadi tiap-tiap kampung itu dia sudah ingat. Saya rasa perkara ini harus dikaji oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya di masa akan datang supaya tidak ada berlaku lagi perselisihan seperti yang berlaku pada pilihanraya baru-baru ini.

Perkara yang kedua, ialah berkaitan dengan B. 5 berhubung dengan naik pangkat dan tata tertib pegawai-pegawai. Saya rasa kedudukan pegawai-pegawai kita sekarang

tidak begitu kuat disiplinnya berbanding di masa yang lalu. Setelah orang-orang kita, orang-orang Malaysia sendiri mengambil alih tempat pegawai-pegawai dagang di masa penjajah dahulu. Kalau di masa penjajah dahulu kalau O.C.P.D. duduk dibiliknya, maka pegawai-pegawainya atau peon tidak berani hendak buat bisung ataupun membuat kerja yang kurang menyenangkan. Tetapi sekarang apakala orang kita sendiri, orang Malaysia memegang peranan sebagai ketua dalam pejabat-pejabat, selalunya peon pun berlagak sebagai penolong pegawai yang berkenaan. Itu kita boleh dapati di mana-mana pejabat juga. Kadang-kadang kasut peon lebih cantik dari kasut ketuanya, jadi lagaknya pun lebih.

Tuan Pengerusi, ini sebenarnya mendatangkan imej yang tidak baik. Kalau kita Ahli Parlimen ke mana pergi pun selalu dihormati oleh ketua-ketua, tetapi kadang-kadang orang yang ke lima, yang ke sepuluh dibawa tidak menghormati. Ini memang berlaku di pejabat-pejabat kita. Ini saya nampak kerana disiplin kita kurang. Saya pernah bertanya kepada ketua-ketua yang berkenaan. Jawabnya susah, kerana sekarang orang kita belaka. Kalau kita marah, dia kata kita jahat pula, dan kalau kita tidak marah, pegawai-pegawai di bawah bermaharajalela. Suruh buat surat lambat, pergi ke kantin dan bercerita panjang. Ini memang berlaku dan saya sendiri pun selalu melihat perkara-perkara seperti ini. Jadi nasib baiklah pegawai-pegawai kita ini khasnya orang Melayu selalunya baik, kadang-kadang pergi mencari fail sendiri. Saya pernah melihat bahawa pegawai itu sendiri mencari fail. Sepatutnya ada pencari fail yang khas yang menjalankan kerja itu. Tetapi kerana pegawai-pegawai kita terlampau baik, hendak menjalankan tata tertib yang keras, kasihan. Jadi beliau sendiri pergi mencari fail. Kita Ahli Parlimen ada melihat keadaan itu dan di dalam hati kita memanglah berkata kurang menyenangkan melihat keadaan yang berlaku begitu.

Tuan Pengerusi: Barangkali ada fail khas yang berpangkah X?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tidak, Tuan Pengerusi. Fail khas ada dalam bilik Ketua Pejabat, biasanya. Fail yang kena dicari ialah di Pejabat Am. Jadi saya minta kepada pihak yang berkenaan dalam

menjaga tatatertib atau disiplin pegawai-pegawai kita hendaklah dikaji dengan sungguh-sungguh, hendaklah difikirkan benar-benar supaya taraf disiplin kita tinggi dan baik, kalau kita bandingkan di masa penjajah dahulu khasnya orang putih yang menjadi tuan dahulu, biarlah kita juga macam itu. Sebaliknya kedudukan sekarang di kalangan swasta adalah berlainan sedikit. Saya lihat di kalangan swasta, syarikat-syarikat atau kompeni-kompeni, pegawai bawahnya lebih takut kepada ketuanya, jika dibandingkan dengan Jabatan Kerajaan. Ini saya minta perhatian yang benar-benar daripada pihak yang berkenaan agar di masa akan datang pegawai-pegawai kita sendiri cukup disiplin dan cekap, jika tidak, maka kerja kita sendiri akan lambat, akan terbengkalai dan niat kita untuk menjayakan dengan lebih pesat itu tidak akan dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, perkara lain yang saya ingin sebutkan berkaitan dengan B. 8 berhubung dengan Biro Siasatan Negara. Saya dapati Biro ini menjalankan kerjanya dengan kuat. Saya ucapkan terima kasih, cuma saya hendak minta diperhatikan bahawa peneakan hendaklah dilakukan kepada masalah rasuah, kerana negeri kita ini makin bermula penyakit rasuah. Saya tidak mahu membandingkan negeri kita dengan negeri lain. Negeri lain kadang-kadang mengambil wang secara depan-depan, tetapi negeri kita tidak begitu. Walau bagaimanapun, kejadian rasuah ini berlaku di sebahagian besar jabatan-jabatan yang ada kaitannya dengan pengambilan wang. Misalnya saya mengambil contoh di Pejabat Kastam. Bayaran cukai sebanyak \$50 tetapi resit yang dikeluarkannya sebanyak \$20. Apakala seseorang itu bertanya, mana wang saya lagi \$30? Tidak apalah, kata dia. Kalau seseorang itu Wakil Rakyat, memperkenalkan dirinya ia Ahli Dewan Undangan Negeri, katanya minta maaf Ahli Yang Berhormat; dipulangkan balik wang yang lebih itu. Inilah yang berlaku. Kalau dia tahu saya seorang Ahli Parlimen, katanya dia minta maaf. Ini kerja budak-budak. Saya tidak tahu. Ini memang berlaku di negara kita di beberapa buah tempat.

Satu lagi yang selalu berlaku di tempat kita ini ialah berkaitan dengan Jabatan-jabatan yang mengutip wang seperti hasil dalam negeri, misalnya, Pejabat Perhutanan, ataupun pegawai pejabat yang menilai kayu

untuk diekspot, kayu yang telah dipotong dan digergaji untuk diekspot. Kayu itu kurang baik, tetapi oleh kerana sesuatu ia dicap dengan kayu yang baik, apakala dihantar keluar negeri, orang luar negeri dapati bahawa kayu ini tidak baik—dihantar balik ataupun dipotong harganya. Kenapa? Dengan sebab semasa melakukan pemeriksaan itu ada sesuatu yang kurang menyenangkan. Ini memang berlaku, dan saya rasa kalau kita tidak sebutkan di Dewan yang mulia, ini, maka orang lain tidak akan berani menyebutkan, biarlah kita Wakil-wakil Rakyat menyebutkan secara terang-terang. Kerana kalau kita tidak menghakimkan diri kita sendiri, maka tidak ada orang lain yang boleh menghakimkan diri kita. Kalau kita tidak berani mengakui salah apa yang kita buat, maka tidak ada orang lain yang hendak membetulkan diri kita.

Tuan Pengerusi, demikianlah keadaan-keadaan yang berlaku di dalam beberapa jabatan dan saya rasa pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang bertanggungjawab dalam hal ini harus mengambil perhatian yang benar-benar kerana takut nanti akan dilihat, akan diketahui oleh orang lain, oleh orang luar negeri akan mengatakan bahawa negeri kita ini negeri yang suka melakukan perkara rasuah.

Selain daripada itu, saya ingin menyebut berkenaan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Lembaga Urusan dan Tabung Haji sekarang ini menjalankan kerja yang lebih besar iaitu membawa jemaah-jemaah haji dengan kapalterbang. Yang kita lihat telah menunjukkan kejayaan yang cemerlang dari satu peringkat ke satu peringkat. Saya ingin menyatakan sedikit di sini kedudukan pentadbiran Lembaga Urusan dan Tabung Haji bahawa ianya kadang-kadang kurang menyenangkan. Satu perkara yang saya suka hendak sebutkan di sini ialah dalam masalah wang simpanan. Saya sebutkan di sini misalnya, kita sudah simpan wang dalam Tabung Haji sebanyak \$500, hendak pergi ke Mekah pada tahun ini. Kemudian dua tiga bulan disimpan lagi \$1,500 untuk mencukupi \$2,000 tetapi penyata kewangan daripada tempat yang saya simpan itu tidak sampai ke ibu pejabat. Kata ibu pejabat, wang tuan tidak mencukupi lagi. Tiga bulan penyata kewangan itu telah berlalu, saya sebutkan misalnya daripada Trengganu bahawa adalah tidak menasabah ianya tidak sampai ke

ibu pejabat di Kuala Lumpur. Beberapa jemaah haji berasa dukacita dengan kejadian yang seperti ini yang berlaku kepada beberapa orang daripada Trengganu khususnya yang naik haji dari Singapura sehingga ada beberapa orang bersumpah mengatakan: "Sebenarnya wang saya sudah cukup dengan Wallah", macam-macam bersumpah mengatakan wangnya sudah cukup, dan macam-macam cara untuk mendapat kebenaran naik haji. Ini perkara yang berlaku, dan saya rasa ini disebabkan kurang penyelarasan antara Daerah, Negeri dan Pusat. Dan satu perkara yang tidak memuaskan ialah selalunya apabila kita pergi di pejabat itu kedudukannya kurang memuaskan tentang layanannya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat menyentuh Lembaga Urusan dan Tabung Haji di bawah Pecahan-kepala berapa yang ada diuntukkan untuk tahun 1975?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Kepala B. 8 (8) Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk tahun 1975 peruntukan tanda sebanyak \$10.

Tuan Pengerusi, saya minta supaya pihak Menteri yang berkenaan menjaga hal ini supaya di masa akan datang tidak akan berlaku lagi seperti yang berlaku pada tahun ini.

Perkara lain yang ingin saya sebutkan ialah berkaitan dengan P. 8, Pecahan-kepala 12—Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah. Saya menyokong peruntukan yang diberi secara langsung untuk Lembaga ini sebanyak \$723,000. Dengan maksud mengikut keterangan yang diberi oleh Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri, bahawa Lembaga ini akan menjalankan initiative dan mengadakan joint-venture dengan mana-mana syarikat bagi menjalankan projek di rancangan ini.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh dalam hal ini kerana saya lihat bahawa pejabat Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ini memang baik, besar dengan kelengkapan yang cukup memuaskan dan saya rasa lebih selesa daripada Pejabat Menteri Besar Trengganu. Cuma yang saya ingin mengingatkan bahawa sehingga hari ini saya nampak kejayaan yang dijalankan oleh Lembaga ini kurang memuaskan. Setahu saya banyak permohonan dibuat oleh pihak kalangan swasta untuk melibatkan diri dalam

pelaburan di Rancangan Trengganu Tengah, tetapi sehingga hari ini masih belum ketara lagi, hanya yang ada ialah dari pihak FELDA dan beberapa badan yang lain. Saya minta supaya pada masa yang akan datang biarlah pelaksanaan kerja ini lebih cepat sedikit dan kejayaan itu biarlah ternampak oleh rakyat. Oleh sebab, di tempat saya itu memang terlibat besar dengan Rancangan Trengganu Tengah, maka boleh dikatakan hari-hari rakyat pergi ke tempat tersebut hendak meminta kerja di Rancangan Trengganu Tengah. Saya sendiri pun tidak tahu apa yang saya hendak berikan di Rancangan Trengganu Tengah walaupun sebenarnya Rancangan Trengganu Tengah merupakan satu badan penyelarasan untuk pembangunan di tempat itu, tetapi yang perlu ialah kejayaan yang lebih segera bagaimana yang diharapkan oleh rakyat. Saya menyeru supaya badan-badan yang ada kaitan di dalam pembukaan tanah supaya melibatkan diri dalam pembukaan tanah di sana.

Perkara lain yang ingin saya sebutkan di bawah Rancangan Trengganu Tengah ini berkaitan dengan kerja-kerja kecil yang hendak dilakukan oleh pihak orang-orang tempatan di kawasan itu. Oleh sebab kawasan ini terlampau luas, maka boleh dikatakan sebahagian besar tanah di Daerah Dungun itu terletak di bawah Rancangan Trengganu Tengah. Ada setengah orang hendak meminta tanah seluas 100 ekar untuk memelihara lembu pun terpaksa diangkat ke Rancangan Trengganu Tengah. Ada orang hendak membuat satu perusahaan kecil pun terpaksa masuk di dalam Rancangan Trengganu Tengah. Masuk ke Rancangan Trengganu Tengah itu tidak menjadi masalah. Yang sakitnya ialah mereka yang berhajat untuk membuat kerja itu mesti mengisi borang sebanyak tujuh keping dan mengadakan Bank Guarantee, mengadakan Kajian Rancangan (Feasibility Studies) dan lain-lain perkara yang dikehendaki oleh pihak Trengganu Tengah, sedangkan yang dikehendaki oleh pemohon itu hanya perkara kecil sahaja iaitu 100 ekar tanah ataupun 50 ekar tanah untuk satu-satu perkara tanaman ataupun untuk ternakan. Jadi saya berharap pada masa yang akan datang, perkara-perkara yang kecil hendaklah pihak Trengganu Tengah meringankan sedikit syarat-syarat itu dan memudahkan sedikit pemohon ini diluluskan kepada orang-orang

tempatan yang hendak menjalankan kerja-kerja sebagaimana yang saya sebutkan. Jika boleh adakan kerjasama dengan Pegawai Daerah yang juga menjadi Pemungut Hasil Tanah. Jangan jadi seperti sekarang, pergi bertanya Pegawai Daerah, Pegawai Daerah menjawab dia tidak boleh berbuat apa-apa. Ini hak Trengganu Tengah. Jadi biarlah ada kerjasama antara Pegawai Daerah dengan pihak Trengganu Tengah.

Saya ingin sebutkan juga berkenaan dengan perkara Pecahan-kepala 15, berkaitan dengan Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar. Peruntukan diberi sebanyak \$3,000,000. Saya berasa \$3,000,000 ini memang sedikit. Sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas tadi bahawa beliau tidak berpuas hati, dan saya pun turut merasa tidak puas hati dengan peruntukan yang diberi ini, dan di masa yang akan datang biarlah peruntukan untuk membuat Jalan di Luar Bandar ini dibanyakkan sedikit, kerana keadaan rakyat di luar bandar sekarang memang benar-benar memerlukan jalan, dan kedudukan sekarang jalan yang diberi tidak lain dan tidak bukan sebagaimana lima atau tujuh tahun yang lalu iaitu tanah merah juga. Cara yang diberi masih tanah merah juga dan kadang-kadang yang sedihnya jalan-jalan ini dibuat pada bulan November iaitu masa musim hujan. Tanah merah apakala ditambah pada bulan November maka dia lebih becak dan lebih bertambah selut lagi. Jadi saya minta yang pertamanya ialah dibanyakkan lagi peruntukan bagi jalan-jalan ini kepada negeri-negeri khususnya negeri-negeri yang tidak berwang seperti negeri Trengganu, Kelantan dan Perlis. Negeri-negeri ini langsung tidak ada wang. Jadi biarlah dibanyakkan sedikit pemberian wang ini kerana mereka sangat-sangat memerlukan wang bagi menjayakan projek-projek jalan-jalan di luar bandar.

Demikian juga dalam Pecahan-kepala 16 berkenaan dengan Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar peruntukannya \$1,000,000. Saya berharap peruntukan untuk tahun hadapan iaitu di bawah Rancangan Malaysia Ketiga biarlah peruntukan itu dibanyakkan lagi, maka bolehlah diberi tiap-tiap satu rancangan itu banyak. Kalau peruntukan itu sedikit seperti tahun ini, kalau hendak diberi lebih daripada \$3,000,000 peruntukan akan menjadi lewat dengan yang

dikhaskan pada masa membentangkan Rancangan Malaysia Kedua. Saya rasa perkara ini perlu benar-benar kerana rakyat di luar bandar sudahlah tidak mendapat kemudahan letrik, air, jalan dan lain-lain kemudahan jalan pun tidak dapat juga. Ini tidak menyenangkan, sedangkan di kampung-kampung baru mereka sudah mendapat bekalan letrik dan air. Di kampung-kampung tidak ada letrik, bekalan air dan juga jalanraya pun tidak ada. Jadi biarlah jalanraya dan kemudahan-kemudahan yang lain diperuntukan banyak sedikit supaya jalan itu bukan dengan tanah merah sahaja, tetapi mesti dibuat dengan tar, ataupun sekurang-kurangnya tanah merah dicampur dengan pasir, kerana apakala tanah merah dicampur pasir jalan itu akan menjadi keras sedikit. Kalau tanah merah sahaja jalan itu akan bertambah selut lagi. Demikian juga dengan kemudahan-kemudahan yang lain.

Itulah pandangan saya dalam perkara ini dan saya ucapkan terima kasih.

4.55 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala B. 4 di bawah Aktiviti (2) mengenai "Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih".

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, if it is the primary objective of the Election Commission to see to the proper functioning of a democratic system of government by ensuring that every citizen is given all facilities to register and to vote, then I say that it has miserably failed in achieving this objective.

Allow me to take this opportunity to express my Party's utter dissatisfaction at the way and manner in which the Election Commission carried out the registration of voters and the revision of electoral rolls in October/November this year. The purpose of every revision of electoral rolls should be to ensure the maximum registration of eligible voters so as to make the democratic process more meaningful and relevant to our country. However, from the way the Election Commission conducted the revision of electors' exercise, it would appear that the purpose was to undermine Opposition strongholds by carrying out the maximum cancellation of voters and registering the minimum number of new eligible voters.

Tuan Pengerusi, mengikut Buku Anggaran Belanjawan, 1975, muka-surat 38, "Pendaftaran dan penyemakan pemilih pada tahun 1973/1974 telah dijalankan dengan jayanya. Hasil daripada pendaftaran dan penyemakan telah menampakkan tambahan sebanyak 391,903 pengundi baharu." Tuan Pengerusi, if in fact the registration of voters and revision of electoral register for 1973/1974 had been carried out successfully, then the number of new voters would not have been 391,903 but at least three times the number.

Tuan Pengerusi, if it is the declared objective of the Election Commission to provide all facilities to register every eligible voter then the result would have been the maximum registration of all eligible voters. But no, this is not the case. During every registration exercise, public complaints are rampant as to where the eligible voters can register themselves. Maximum inconvenience is caused so as to discourage people from registering.

Tuan Pengerusi, I will list below some of these inconveniences:

- (1) Intending registrants did not know where to go and register. They called at the offices of political parties but were disappointed when told that they could not register in the offices of these political parties. When told that they had to go to certain specific places which were difficult to find, they gave up and were discouraged from going to register themselves.
- (2) The registering of voters during office hours was a cause of great inconvenience to those who had to work and to the hours was a cause of great inconvenience their homes.
- (3) Many people who went to District or Town Board Offices in the different parts of the country to register were made to wait because of the shortage of Registration staff.
- (4) There was no maximum publicity regarding the centres for voters' registration with the result that the people found great inconvenience in finding out where they could register.
- (5) Even at centres announced, people found it extremely frustrating when

they discovered that sometimes these centres were not manned according to the scheduled hours.

The Elections Commission must certainly be aware of all these factors, Tuan Pengerusi, which cause great inconvenience to those who want to register themselves as voters. In view of the existence of such inconveniences, it certainly cannot be interpreted to mean that the Election Commission is providing all facilities to register every eligible voter.

During the recent voters' registration exercise which lasted for a month, the Election Commission said that agents would be going from house to house to check the electoral register and register eligible voters at the same time. But to the utter disappointment, many complained that the agents did not call at their homes. To those who did call at the homes of some voters, the complaint made was that the agent was only interested in cancelling the names of those not in the house rather than in registering new eligible voters.

Tuan Pengerusi, there is not the slightest doubt that the system adopted by the Election Commission in the annual registration of electors and revision of electoral rolls is highly unsatisfactory and is full of deficiencies and shortcomings. The public is highly dissatisfied with the present system which will not serve the declared objective of ensuring that every citizen will be given full facilities to register and to vote.

The \$1.5 million to be spent on the annual registration of electors and revision of electoral rolls from 1975 will only be meaningful and serves its purpose provided that a better system can be devised to ensure that every eligible voter can register to vote.

Tuan Pengerusi, it is time for the Election Commission to have the annual registration of electors and revision of electoral rolls carried out on an all-year-round basis with registration centres permanently set up and fully publicised for the public to know as to where they can go and register.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak merojok kepada Kepala B. 5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Mengikut buku Anggaran Belanjawan, 1975, muka surat 34 tentang (11) Pengambilan.

Tugas utama bahagian ini dan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada keseluruhannya ialah menyelenggarakan urusan-urusan pengambilan untuk mengisi jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan Awam. Atas perkara ini, saya ingin berucap dengan ringkasnya.

Tuan Pengerusi, in view of the present acute unemployment problem in our country, thousands of Malaysians apply every year for jobs in the various Ministries and Government Departments through the Public Services Commission.

A frequent complaint by these job-seekers is that the P.S.C. takes too long a time to process the applications and shortlist the applicants for interview. It is frustrating for the applicants to wait for months without knowing whether they stand any chance of being called for an interview. It would, therefore, be better if the P.S.C. could increase its efficiency and work out a speedier method to process the applications and let the applicants have a quick reply. This is necessary in order not to aggravate the frustration of anxious applicants who would like to know their fate or the position of their applications, so that they can decide what to do next.

It has been brought to my attention that many Government Departments, like the National Registration Department and the Town Planning Department of Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur, are handicapped by insufficient and qualified staff as a result of which work has been affected. It appears that the delay in recruiting sufficient staff is due to the failure of the P.S.C. to see to the quick recruitment of such staff for posting to the Departments concerned.

In the case of the Town Planning Department of Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur, I would like to ask why till now the post of Town Planner has not been filled since vacated for about a year. We now only have an Acting Town Planner and certainly she is not able to cope with the huge volume of work in the Town Planning Department. I was even told that this Acting Town Planner sometimes cannot decide on important matters and has to refer back to the Datuk Bandar. This is a serious state of affairs, and I suggest that this matter must be rectified immediately.

As regards the National Registration Department in Petaling Jaya, which deals with applications for citizenship, identity cards, birth certificates, etc., work is often delayed because of shortage of staff. I suggest that the P.S.C. must look into this matter and take the necessary remedial measures.

When carrying out interviews, I would like to propose that the Government should enlist more people to sit on the P.S.C., so that they can help arrange for more interviews to remove any unnecessary delay. This will result in the applicants' avoiding long delays in having themselves interviewed and also the various Departments can have their staff requirements early.

Tuan Pengerusi, on the question of "naik pangkat" or promotion, I suggest that the P.S.C. should speed up the promotion of all those dedicated, honest and hard-working civil servants in line with the concept of meritocracy. Similarly, the Commission should also not hesitate to deal with all those who are dishonest and inefficient in their work on matters of discipline.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh kepada Kepala B. 6—Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi, muka surat 16, di dalam buku Belanjawan Persekutuan, 1975, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Pengambilan.

Mengikut buku Anggaran Belanjawan, 1975, muka surat 42 di bawah Aktiviti (ii) Pengambilan. Bebankerja bagi tahun 1975 dijangka lebih dari bebankerja bagi tahun 1974. Adalah dijangka sebanyak 30,000 permohonan diterima, terutamanya dari mereka yang mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Rendah Pelajaran untuk mengisi lebih kurang 450 kekosongan. Perbelanjaan untuk melantik seorang calon dijangka sebanyak \$175.

Tuan Pengerusi, in view of the additional work force, which the Railway Services Commission plans to recruit for 1975, it is my hope that the Malayan Railway Administration will have more dedicated staff and personnel to see to its proper functioning, and the general improvement of its services. The subject of our rail service has often been focussed in the Press with complaints from the public of its irregular schedules, unhygienic environment and so on. Of course

this may be due to the shortage of trained staff to see to the proper functioning of all aspects of the rail services. In recruiting new people and to increase its work force, the Railway authorities should be able to study the past deficiencies of the Railways and take steps to overcome them.

More staff could now help to overcome the problem of dirt in the third class coaches of the Malayan Railways and help provide a cleaner environment for the commuters. While, of course, the Railway Services Commission expects the staff and other recruits to do a better and more dedicated job, I hope that the Commission will also help solve the problem of proper railway quarters for the railway workers. This matter is long overdue and must be settled early.

Lastly, I urge the Railway Services Commission to investigate into the real causes of frequent train derailments and take the necessary steps to overcome them.

Yang akhirnya saya ingin menyentuh Kepala B. 1—Parlimen, di dalam Buku Anggaran Belanjawan, 1975 di muka surat 25, iaitu Tugas-tugas. Tuan Pengerusi, sepertimana tercatat di dalam buku ini—membayar gaji dan elaun-elaun kepada kakitangan tetap dan sementara.

Tuan Pengerusi, baharu-baharu ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan di dalam suratkhabar dan juga di setengah-setengah Ahli-ahli Dewan Negeri mungkin tidak lama lagi Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen ini sendiri akan dinaikkan elaunnya. Oleh yang demikian dengan adanya tugas-tugas kakitangan Parlimen bertambah sejajar elaun mereka dibayar lebih daripada apa yang mereka dapat sekarang.

I wish to say a few words in regard to the question of Parliamentary Staff. As I have mentioned earlier, I think the time has now come for this House to review the salary scales of all Parliamentary Staff in view of the fact that their workload will be increased because of the increased number of M.P.s.

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan (Pindaan No. 2) No. 4, 1974 saguhati (honorary) untuk Persidangan Antarabangsa dan Kebangsaan yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan iaitu Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam.

Tuan Pengerusi, ingin saya mendapat penjelasan, adakah Persidangan Parlimen kita ini boleh dimaksudkan Persidangan Kebangsaan? Sepertimana mengikut honorary, kadar bayaran saguhati bagi Persidangan Kebangsaan adalah seperti berikut:

(i) Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas	\$16 maksima \$300.00 sebulan
(ii) Kumpulan Separa Ikhtisas	\$12 maksima \$200.00 sebulan
(iii) Kumpulan Perkeranian dan Teknik	\$9 maksima \$150.00 sebulan
(iv) Kumpulan Buruh Kasar	\$6 maksima \$100.00 sebulan

Oleh yang demikian, saya bagi pihak kakitangan Jabatan Parlimen memohon kepada Kerajaan agar elaun kepada kakitangan Parlimen ini dibuat mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan No. 4/1974.

Tuan Pengerusi, di muka surat 29 di dalam Buku Anggaran Belanjawan, 1975 iaitu Ringkasan Perjawatan, sepertimana kita maklum bahawa Jabatan Parlimen ini adalah sebuah Jabatan yang tertinggi, Parlimen ialah badan perundangan yang tertinggi di dalam Persekutuan mengikut di dalam Perlembagaan Malaysia. Tetapi, apa yang mendukacitakan kakitangan Jabatan Parlimen ini, mereka tidak boleh ditukarkan ke lain Jabatan atau Kementerian seperti kakitangan jabatan atau Kementerian lain. Oleh itu, Kerajaan mestilah mengkaji kedudukan tangga-gaji mereka pada masa sekarang.

Akhir sekali, saya ingin merojak kepada Kepala B. 8 Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (10) Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan. On this question of Land Committee in the Wilayah Persekutuan, I would like to propose, Sir, that this Land Committee should look into three important matters, viz:

- (1) This Land Committee in the Wilayah Persekutuan should look into the speeding up of the acquisition of land for the construction of more low-cost flats in Kuala Lumpur Bandar because at the moment, Tuan Pengerusi, there is an acute shortage of low-cost flats in the City to house the low income group and the excuse that is being given is that there is not enough land. So, I would propose here that this Land Committee should look into all aspects of the land problem and should find

ways and means of speeding up the acquisition of land for the construction of low-cost flats.

- (2) I would also urge this Land Committee to look into the problem of hawkers in order to have more hawking sites for the hawkers in the town because at the moment Dewan Bandaraya is also faced with the problem of land with regard to allocating more hawking sites for the hawkers. So, I would suggest that this Land Committee should look into ways and means of finding more places for hawking sites.
- (3) I would propose here that this Land Committee should also liaise with the Land Office of the State Government with regard to the problem of allocating sites for the resettlement of squatters because at the moment there are quite a number of squatters in the City who are unable to find land for alternative accommodation. I would suggest that this Land Committee of Wilayah Persekutuan should take up with the Land Office of the Selangor State Government in regard to the problem of the resettlement of squatters.

5.14 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan hendak menyentuh Kepala B. 1 B. 6 dan B. 9 sahaja.

Sebelum saya sentuh perkara-perkara yang saya katakan tadi, saya suka meminta izin daripada Tuan Pengerusi untuk menyampaikan di dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan kata-kata dan hujah-hujah yang telah dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kerana saya berpendapat bahawa jika hujah-hujah itu tidak dapat kita ataupun saya sebutkan apakah sebenarnya maksud beliau, kerana tiap-tiap kali ia membuat hujah, apa-apa bandingan yang dibuatnya ialah perkara-perkara yang pihak Kerajaan telah memberikan keistimewaan kepada bumiputra, menunjukkan berapa juta ringgit telah dibelanjakan untuk PERNAS, Bank Bumiputra dan sebagainya. Hujah-hujah yang sebegini saya khuatir kalaulah tiap-tiap akhbar membesarkan dan mengapi-apikan perasaan rakyat jelata dan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu

mungkin terjadi iaitu satu perkara 13 Mei, yang lebih dahsyat lagi mungkin terjadi. Dengan sebab itu, saya suka mengatakan dengan terus-terang dalam Dewan ini apakah sebenarnya kedudukan bumiputra kalau dibandingkan dengan bukan bumiputra.

Tuan Pengerusi, pendapatan bulanan bagi bumiputra jika dibandingkan dengan yang bukan bumiputra ialah seperti berikut:

China	\$387 sebulan
India	\$310 sebulan
Bumiputra (Melayu) ...	\$170 sebulan

Juga patut menjadi satu renungan kepala Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu, kalau saya katakan di sini bahawa rakyat bumiputra (Melayu) yang berpendapatan kurang daripada \$100 jumlah peratusnya ialah 85%, tetapi orang China 9.6% dan orang India 4.9%. Kalau begitu angka-angkanya dengan terang ditunjukkan bukan dengan agak-agak, maka kita tidak heran kalau 85% ataupun 90% segala kemudahan-kemudahan itu diberikan kepada pihak yang tidak berada, kerana puak yang tidak berada itu adalah orang bumiputra yakni orang Melayu. Dan saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kepong ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang janganlah membongkar-bongkar perkara ini, kerana perkara seperti ini saya tahu akan menjadi api di segenap rantau negara kita ini kalau tidak betul-betul Ahli Yang Berhormat itu mengerti dan faham facts and figures.

Sekarang, saya suka menyentuh berkenaan dengan Kepala B. 1 dalam Anggaran Belanjaan, 1975 iaitu berkenaan dengan Parlimen. Ahli-ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Rakyat adalah Ahli Yang Berhormat yang menjadi image ataupun yang menjadi pandangan, bukan sahaja di dalam negeri, tetapi juga di luar negeri berkenaan tata-tertib kita, berkenaan bagaimana conduct diri kita, cara pakaian kita, tutur bahasa kita, cara kita berjalan, bercampur-gaul dengan orangramai dan sebagainya. Saya gambarkan di sini pengalaman saya sendiri iaitu setiap kali saya masuk pintu ke Parlimen ini, saya terpaksa mengeluarkan pass, tunjukkan kepada orang yang menjaga, baharulah saya dibenarkan masuk. Di negara-negara lain, seperti negeri Jepun, New Zealand dan Australia yang saya tahu Ahli Parlimennya diberi tiap-tiap seorang satu lencana yang ditaruh di butang kotnya dan dengan itu dapat

orang-orang lain mengetahui bahawa dia adalah Ahli Parlimen dan tanpa diperiksa, tanpa kita susah-payah mengeluarkan pass kita, maka kita bebas masuk ke bangunan Parlimen kita sendiri.

Sungguhpun waktu ini waktu inflasi dan sebagaimana telah juga dikatakan kita hendaklah berjimat-cermat, tetapi saya berpendapat bahawa kalaulah tiap-tiap Ahli Parlimen diberi satu lencana untuk keperluan yang saya katakan tadi, maka belanjanya tidak begitu banyak serta faedahnya banyak didapati oleh Ahli-ahli sekalian. Dan juga dalam masa persidangan beberapa hari ini iaitu daripada 4 haribulan sampai 30 haribulan Disember ini barangkali buku-buku dan kertas-kertas dan surat-surat edaran yang kami terima sudah berkati-kati. Buku-buku ini adakalanya diikat-ikat sahaja dan dengan itu tidak berapa sempurna—tidaklah dengan begitu kemas.

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Tuan Pengerusi, tiap-tiap seorang siap diberi satu beg. Kalau Negeri Selangor misalnya, dicap dengan lambang Negeri Selangor di belakang beg itu. Begitu juga saya berpendapat sudahlah sampai masanya Jabatan Perdana Menteri memikirkan tiap-tiap seorang Ahli Dewan Rakyat ini diberi beg supaya dapat buku-buku yang berpikul-pikul saya katakan ini bila kita balik dapat dimasukkan ke dalam beg itu dengan sempurna, dapat kita jinjing, kalau tidak barangkali ada orang-orang yang hendak membeli kertas-kertas lama, dan nanti ada yang menahan kita kerana dia fikir kita hendak menjual kertas lama.

Selain daripada itu juga dengan keadaan kemas ini kalaulah kita dihantar untuk mewakili negeri kita di luar negeri ada uniformitinya, ada kemas kita berjalan. Walaupun saya katakan tadi kita hendak berjimat-cermat di masa inflasi ini, tetapi perkara-perkara yang mustahak itu harus juga dijalankan.

Berkenaan dengan B. 6 Suruhanjaya Keretapi Tanah Melayu. Saya suka menyentuh secara umum sahaja mengenai kedudukan executive bumiputra ataupun executive Melayu yang pada masa ini bekerja ataupun memegang jawatan di Jabatan Keretapi ini. Kalau orang tidak mengerti, maka dia menuduh bahawa Jabatan Keretapi itu dipenuhi oleh executive-executive ataupun

pegawai-pegawai daripada bangsa Melayu sahaja, tetapi gambaran yang sebenarnya penyertaan am bumiputra dalam perindustrian keretapi ialah seperti berikut:

Tahun 1969, 47% sahaja seluruhnya bumiputra bekerja di Jabatan Keretapi. Di dalam angka 47% ini:

83% Buruh;
14% Perkeranian; dan
3% Executive.

Tahun 1970 hanya 48%:

84% Buruh;
13% Perkeranian; dan
3% Executive.

Tahun 1971, 51% bumiputra ataupun orang Melayu bekerja dan di antara pecahannya ialah:

84% Buruh;
14% Perkeranian; dan
2% Executive.

Tahun 1972 pula 50% bumiputra bekerja dan pecahannya ialah:

82% Buruh;
16% Perkeranian; dan
2% Executive.

Tahun 1973, 51% dan pecahannya ialah:

82% Buruh;
17% Perkeranian; dan
1% Executive.

Pendek kata semakin meningkatnya umur Dasar Ekonomi Baru maka semakin merosotnya pula penyertaan bumiputra dalam peringkat executive.

Di sini eloklah dinasihatkan siapa juga menjadi Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi itu supaya mengawasi pada tahun-tahun yang akan datang supaya bilangan executive daripada bumiputra boleh ditambahkan. Gambaran sekarang hanya 1% lebih kurang executive bumiputra di dalam Jabatan Keretapi.

Berkenaan dengan jawatan-jawatan di jabatan yang berikut ialah:

Pengurus Besar,
Akaun,
Terafik,
Perniagaan,
Jurutera Awam dan Jurutera Letrik
serta Setor.

Inilah angkanya yang sebenar untuk membuka mata mereka yang selalu menuduh yang bumiputra atau Melayu mengambil semua kerja-kerja yang mustahak di Jabatan keretapi ataupun di Jabatan-jabatan Kerajaan.

Mulai tahun 1970 suatu rancangan pemulihan segera telah dilancarkan dengan mengambil executive bumiputra dari luar, tidak termasuk pegawai pinjaman dari Pegawai Tadbir Perkhidmatan Awam. Kedudukan sebenarnya ialah seperti berikut:

Pengurus Besar Pentadbiran: diambil 1 orang, keluarnya pun 1 orang juga pada tahun 1970.

Akauntan: diambil 3 orang, keluarnya 2 orang. Sekarang ini hanya tinggal seorang.

Pengurus Terarik: diambil 2 orang, keluarnya dua orang, tak ada langsung yang tinggal.

Di dalam bidang Perniagaan (Commercial Manager): 4 orang diambil daripada bumiputra, 2 orang yang keluar dan 2 orang yang tinggal.

Jurutera Awam: 1 orang diambil, yang seorang itu pun keluar, tak ada siapa yang tinggal.

Jurutera Letrik: 1 orang diambil dan orang itu juga keluar.

Ini menunjukkan, bahawa memang sudah ada percubaan untuk mengambil bumiputra bekerja di Jabatan Keretapi. Saya akan sebutkan nanti sebab-sebabnya mengapa mereka ini keluar daripada Jabatan keretapi untuk masuk bekerja ke tempat-tempat yang lain.

Saya sentuh perkara ini macammana saya katakan tadi ialah supaya bukan sahaja Ahli-ahli Jawatankuasa yang telah dilantik ini untuk lebih lagi mengawasi supaya jawatan-jawatan yang kosong yang akan datang itu dapat diberi peluang kepada bumiputra untuk memenuhinya, tetapi juga bagi Jabatan Keretapi menambahkan lagi Ahli-ahli Jawatankuasa Perkhidmatan Awam Keretapi ini dengan orang-orang yang benar-benar sedar atas tujuan-tujuan Kerajaan. Kalaulah ahli-ahlinya daripada orang yang hanya berharap kepada elaun bulanan sahaja, tetapi tidak mementingkan kepada tujuan Kerajaan, maka inilah gambaran yang kita akan terima.

Tuan Pengerusi, sekarang saya menyentuh Kepala B. 9 iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam. Di sini saya ada angka-angka yang menunjukkan bahawa satu trajidi telah berlaku di mana Pegawai-pegawai Awam Kerajaan dengan beberapa sebab yang akan saya huraikan kelak telah berhenti daripada jawatan awam (jawatan Kerajaan) untuk bekerja di bahagian swasta. Pegawai-pegawai Kerajaan ini telah berhenti bukan kerana mereka tidak sedar kepada tanggungjawab mereka berkhidmat untuk bangsa dan negara, tetapi kerana tarikan daripada pihak swasta lagi lebih. Pihak swasta telah mengumpukan pegawai-pegawai Kerajaan dengan berbagai-bagai insentif dan berbagai-bagai fringe benefits, bukan sahaja gaji yang boleh dikatakan 50% lebih daripada apa yang mereka dapati sebagai pegawai Kerajaan, tetapi dengan adanya diberi bonos dan diberi elaun dreber serta diberi entertainment allowance disamping diberi pangkat berdasarkan kepada "not whom you know, but what you know" maka mereka lebih suka pergi berkhidmat di bahagian . . .

Tuan Pengerusi: Minta Ahli Yang Berhormat tetapkan perbincangan untuk Perkhidmatan Awam, bukan kakitangan. Bukannya tanggungjawab mereka sebagai kakitangan berhenti dan sebagainya. Ini ialah supaya menjimatkan masa.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Terima kasih. Mereka lebih tertarik kepada pihak swasta. Angka-angkanya, Tuan Pengerusi, ialah di negara kita lebih kurang ada 9,300 perusahaan-perusahaan dan 55,000 firma-firma dan agensi-agensi. Hampir 5,000 . . .

Tuan Pengerusi: Di mana bersangkutnya dengan masalah Perkhidmatan Awam ini, Ahli Yang Berhormat?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Ini ada berkaitannya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sekarang bolehlah tegur atas kelemahan, kecacatan atau kebaikan Perkhidmatan Awam ini. Itu perkara tidak bersangkut langsung. Bilangan firma-firma tidak bersangkut langsung.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Ada bersangkutnya supaya dapat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini memberi lebih insentif kepada pegawai-pegawai yang ada berkhidmat

Tuan Pengerusi: Insentif dan sebagainya itu adalah polisi Kerajaan, bukannya polisi Perkhidmatan Awam, Kerajaan yang menetapkan polisi gaji dan lain-lain.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Kalau tidak ada hubungannya sebagaimana pendapat Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Kalau hendak meminta supaya Perkhidmatan Awam bekerja dengan baik, itu bolehlah disebut, tetapi tidak boleh disentuh perkara yang di luar daripada itu.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Saya akan mengambil peluang ini menyebutkannya pada masa yang lain.

5.35 ptg.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I refer to Kepala B. 8, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3), Implementation, Co-ordination and Development Administration Unit. The importance of this Unit cannot be over-emphasised. I view with some concern that there is a general reduction in the expenditure under this Subhead for 1975 not only in Sarawak and Sabah but also in Semenanjung Malaysia. I think one may safely say that the success or otherwise of any Government project depends very much on the proper constitution of this Unit. I hope that this reduction in expenditure is not a reflection on the Government's part in not giving this Unit the importance it deserves.

To take an instance, Mr Chairman, Sir, around 1972 or 1973 the State Government of Sarawak realised that there would be a general shortage of food and therefore it tried to find its own ways and means whereby there would be more production of padi and thus a Task Force was set up—I think it is called "Padi Unit". Because of the shortage of technical staff required, we had to recruit or second serving officers from the Agricultural Department and the Land Office. This Unit has done a good job in identifying several areas of thousands of acres as likely suitable land for padi planting. However, it requires closer study before such a project can be launched and it takes time. As I said, because we are short of qualified personnel, therefore we are unable to implement the study and also the

identification of these areas sooner. It would be a great help if this I.C.D.A.U. is strengthened here, so that it will lend assistance to States like Sabah and Sarawak which can, in fact, open up more land for the production of food. I, therefore, appeal to the Federal Government to have another look at this to see whether this Unit can be strengthened and, if so, whether reduction in the expenditure is a wise move.

Now, I come to Kepala B. 8, Pecahan-kepala 2600—Printing Services. Here I notice, an increase in the provision for 1975 and I hope very much that our official documents, particularly the *Government Gazettes*, could be printed fast in such a way that people like us in Sabah and Sarawak would be able to receive copies of them earlier. I think several complaints have been made before by Honourable Members in this House that the Bills and other documents relating to Parliament have always been late in coming. We will not be able to fulfil our functions as representatives of the people if important Bills and documents are only made available to us when we come here. Honourable Members in Peninsular Malaysia can have their week-ends to go back to their constituencies or to consult their parties, but we from Sabah and Sarawak are unable to do so.

Another item, Mr Chairman, Sir, that I wish to touch on is in regard to Kepala P. 8, Pecahan-kepala 22, Other Rural Development Scheme. There is a reduction by \$½ million in the allocation for Sarawak. I think several Honourable Members have mentioned about the importance of rural development schemes. The more so, Mr Chairman, Sir, is it in the case of Sarawak and Sabah. We have heard many, many speakers, I think, also from Peninsular Malaysia that there is so much to be done for our rural development and I regret that there should be a reduction of 50% in the provision for this item for 1975.

I have on another occasion mentioned that it is not only the infrastructure that we require, that we need more money, but also the development in a wider sense, i.e. of bringing up the people in the rural areas to the level of the modern times, to understand what is good for them and what really is the value of life. We have learned, Mr Chairman, Sir, that our rural people, because of

ignorance, are not able to bring up their children properly. They are not able to give their children proper food, not because they are poor but because they just do not know how to take care of them. As a result, although their children are normal children, they do not grow up as normal as others, and thus it is a great loss to the nation. This is what I mean by rural development in a wider sense. I think money spent now for the younger children, for the babies in the rural areas, in educating perhaps their parents and also by bringing more services to them, would in the end make these young children grow up to healthy manhood, and we will benefit by it. Then I think the money is well spent.

Therefore, I feel any reduction of provision for this item would be wrong and I would appeal to the Federal Government that for this Rural Development Scheme, particularly in Sarawak, last year's provision of \$1,000,000 ought to be restored and should not be reduced to \$500,000.

5.43 ptg.

Tuan Su Liang Yu (Bruas): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I would like to touch on Head B. 4 Suruhanjaya Pilihanraya, page 38 Kod 1100 Salaries and Wages, a sum on \$876,00 has been allocated and I would like to refer to Aktiviti (2), in respect of Annual Registration of Electors and Revision of Election Rolls, for which a sum of \$201,830 has been set aside for the smooth administration of such an exercise. However, Sir, in carrying out such an exercise, care must be taken to see that it is done satisfactorily. In this connection, I would venture to suggest that Government must make it compulsory for everyone to register himself as a voter, so that no one would say that one's right has been deprived. With regard to this, I would also urge that registration clerks be employed and paid according to the percentage of eligible voters in their respective localities so as to generate in such an exercise greater concern, responsiveness and alertness. Otherwise, the registration clerks would not care less, because they would be paid no matter how much work they have done during the registration period. The missing names of voters are not entirely the fault of the Election Commission alone; the fault largely lies in the attitude shown by the people and

by and large on the registration clerks who went to register at irregular hours and thus most of whom were unable to register voters. The registration clerks must be told beforehand that in certain places, some people would go to work in the morning, while others would go at noon or night. Proper time control is essential in the proper conduct of registration of voters. Otherwise, such an exercise is not only a waste of time and energy but also the money spent.

In respect of the revision of rolls, Sir, this should be done on yearly basis, i.e. immediately after the registration of voters, it should be put for public inspection for the whole year and not for a specific period because anyone, whose name has been left out, could be re-registered during the revision of rolls. The revised rolls should be distributed not only to Local Councils, District Officers or Penghulu's but also to each locality in the outskirts of towns such as estates, mines and kampung settlements. Any possible error or missing of voters' names could then be easily detected and undue disappointment to the eligible voters, as has happened during the previous Elections, could be avoided or reduced substantially.

5.45 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun turut menyokong Anggaran Belanja mengurus dan Belanja Pembangunan bagi tahun 1975 bagi Jabatan Perdana Menteri.

Pada hari ini, saya ingin membawa dua tiga perkara terutama sekali dalam Kepala B. 4 mengenai Suruhanjaya Pilihanraya. Ramai rakan-rakan saya dalam Dewan ini membangkitkan masalaah Suruhanjaya Pilihanraya, dan saya sangat tertarik hati dalam penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menerangkan mengenai belanja tambahan kerana membayar elaun gaji kerani sementara. Oleh sebab pendaftaran pengundi adalah satu perkara yang amat penting bagi warganegara, maka saya ingin mencadangkan kepada Menteri yang berkenaan supaya di Jabatan ataupun di Suruhanjaya Pilihanraya ini kita mengadakan bukannya diperingkat kerani, tetapi kerani penyiasatan yang bertaraf sebagai surveyor supaya dapat menjalankan kerja-kerja pendaftaran sepanjang tahun dan kerani ini hendaklah berjawatan tetap.

Saya rasa inilah satu cara, khasnya di dalam kawasan bandar dan bandaraya, terutama sekali di dalam Wilayah Persekutuan, kerana kita semua sedia maklum di dalam kawasan Bandar di dalam Wilayah Persekutuan pengundi-pengundi adalah sentiasa ataupun kerap kali berpindah dari satu kawasan ke satu kawasan. Dan juga di dalam kawasan Wilayah Persekutuan dan bandaraya dan bandar-bandar yang lain selalu ada kawasan perumahan dan apabila ada kawasan perumahan, tentulah ada penduduk-penduduk yang baharu. Dengan cara ini juga dapatlah kita mendaftarkan pengundi-pengundi ataupun bakal-bakal pengundi, terutamanya sekali muda-mudi kita yang kerap kali berhijrah dari luar bandar ke dalam bandar.

Perkara yang kedua, saya ingin menyentuh mengenai B. 8 Jabatan Perdana Menteri mengenai peruntukan-peruntukan sebanyak \$857,022 iaitu Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan. Kita tahu tanah-tanah di dalam Wilayah Persekutuan ini yang kawasannya seluas 94 batu persegi adalah satu kawasan yang kecil yang pada hari ini kalau dibandingkan dengan keadaan penduduknya belum sampai 1 juta, kita telah menghadapi berbagai-bagai masaalah.

Tanah-tanah di dalam Wilayah Persekutuan ini kalau hendak dipandang dengan mata kasar terbahagi kepada 3 jenis kawasan :

Yang pertama kawasan yang telah ada pembinaan rumah dan telah ada pentadbiran yang tertentu yang dikuasai terus oleh pihak bandaraya ataupun pada suatu ketika dahulu dikatakan Ibu Kota. Dan sebahagian tanah itu pula ialah tanah Kerajaan, tetapi belum lagi diusahakan untuk sebarang rancangan, dan tanah-tanah seperti ini selalunya berada di sekitar, di sekeliling atau di pinggir kawasan-kawasan yang dikuasai oleh pihak bandaraya tadi.

Yang ketiga, ialah kawasan tanah persendirian dan ada di antaranya ialah tanah-tanah yang dikatakan tanah rezaf untuk orang-orang Melayu. Di dalam kata-kata buku Belanjawan tahun 1975 ada menyebutkan di muka surat 62, (vii) (1). Mempercepatkan pembangunan tanah, penukaran syarat, pecah sempadan, pecah bahagian dan cantuman tanah. Dalam perkara ini, inginlah saya membangkitkan masaalah penggunaan tanah dalam Wilayah Persekutuan ini, kerana

tanah adalah menjadi satu masaalah yang besar, kita tahu sebab tanah tidak beranak, tetapi manusia beranak. Kalau tidak suatu penyusunan rancangan dibuat, saya takut Wilayah Persekutuan ini pada suatu ketika nanti sudah terlampau ramai dan tidak ada penyusunan pada awal-awal lagi akan menjadi satu kawasan yang tidak ada rupa bentuk yang tertentu.

Kita semua sedar bahawa Wilayah Persekutuan ini adalah satu kawasan baharu yang mana masaalah-masaalah pentadbirannya, penukaran dan sebagainya dengan Kerajaan Negeri Selangor masih lagi belum selesai. Tetapi pada pihak pentadbiran Wilayah Persekutuan yang mana di bawah Jabatan Perdana Menteri sepatutnya memikirkan lebih-lebih awal lagi satu rancangan yang boleh menyusun struktur masyarakat pada masa yang akan datang, supaya boleh menjamin berapa juta umat boleh ditempatkan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan dalam jangka waktu 20 tahun yang akan datang. Salah satu yang saya nampak, pada hari ini dan saya cadangkan iaitu Wilayah Persekutuan ini sepatutnyalah mengadakan satu Perbadanan Perumahan Khas. Kita tahu di Dewan ini dalam tempoh beberapa hari yang lalu masaalah perumahan sentiasa berbangkit dan masaalah pembinaan perumahan ini, walaupun di dalam Kepala Pembangunan, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar ada tercatat bahawa pembangunan bagi Kuala Lumpur (Bandaraya) untuk tahun 1975 sebanyak \$14 juta, tetapi tidak ada peruntukan khas bagi rancangan perumahan. Begitu juga Kepala Pembangunan Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru, walaupun ada peruntukan sebanyak \$23 juta untuk perumahan awam adalah berbentuk pinjaman, dan pihak Bandaraya sendiri pun di dalam peruntukannya untuk perumahan masih lagi tidak mencukupi. Sungguhpun ada jawapan-jawapan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Perumahan, iaitu ada beberapa ribu yunit lagi hendak dibina dan telah siap tetapi kalau kita bandingkan jumlah rumah tidak seimbang dengan rate of construction di dalam masaalah perumahan di kawasan Bandaraya ini.

Dalam perkara ini adalah kena, pada masanya bahawa Kerajaan yang mentadbirkan Wilayah Persekutuan iaitu Jabatan Perdana Menteri hendaklah memikirkan

dengan seriousnessnya bagi rancangan perumahan, kerana pada hari ini saya tahu parti-parti Pembangkang memang suka untuk memperjuangkan masalah setinggan. Pihak Kerajaan memang ada menjalankan usaha-usaha untuk mengatasi masalah setinggan ini.

Saya hendak memberitahu juga di dalam Dewan ini bahawa bukan semua setinggan-setinggan itu sebenarnya betul-betul setinggan. Ada di antara mereka yang saya siasat, orang-orang yang mengambil kesempatan kerana hendak menambahkan rumah atau hartanya, sedangkan dia telah dapat rumah, rumah itu disewa dan dibuat pula rumah setinggan, sebab dia tahu kalau ada rumah setinggan, Kerajaan akan menolong mereka. Perkara ini akan berlanjutan jika tidak suatu perkara, atau suatu rancangan khas bagi mengatasi masalah setinggan ini dibuat oleh Kerajaan Pusat, dan ini berkehendakkan cara pembangunan perumahan raksaksa yang mana pembangunan perumahan untuk mengatasi masalah setinggan ini hendaklah dibuat secara teratur dan mengadakan kompleks, perniagaan di kawasan itu juga, sekolah-sekolah dan segala social amenity yang dikehendaki oleh masyarakat. Dengan cara itu, dapatlah kita mengatasi masalah setinggan yang berlarutan pada hari ini.

Saya sebagai Wakil Rakyat dalam kawasan Setapak, Wilayah Persekutuan ini telah membuka Pejabat hampir-hampir dua bulan. Hari-hari saya pergi ke pejabat, surat yang saya tandatangani—surat sokongan 99.9% ialah kerana minta rumah pangsa, minta rumah terrace, dan sebagainya.

Saya percaya, masyarakat di dalam Wilayah Persekutuan pada hari ini telah sampai pada satu peringkat yang dikatakan peringkat persimpangan jalan, iaitu mereka telah sedar, mereka tidak boleh lagi hidup secara kampung, sebab kalau mereka hendak cara kampung mereka kena balik ke kampung. Kalau hendakkan kawasan besar, kena ambil rancangan luar bandar. Duduk di dalam Wilayah Persekutuan dalam Bandaraya terpaksa duduk rumah pangsa. Mereka telah terima konsep ini. Tetapi bagi pihak Kerajaan pula, bagaimana hendak menyambut penerimaan konsep orangramai yang pada hari ini telah sanggup duduk di dalam rumah pangsa, dan ada juga di antaranya oleh sebab ada kelonggaran Undang-undang atau kelonggaran syarat

yang masih lagi membenarkan kawasan-kawasan atau tanah-tanah dibuka, maka pada hari ini inginlah saya mencadangkan di dalam Dewan ini meminta jawatankuasa mengenai tanah dalam Wilayah Persekutuan atau Pengarah Tanah dalam Wilayah Persekutuan kalau dapat, membekukan segala permohonan-permohonan tanah lot khasnya di kawasan di pinggir bandaraya, ataupun di kawasan-kawasan perumahan. Sebab dalam perkara pembahagian tanah ini banyak teraniya yang berlaku kepada penduduk-penduduk setinggan, dan mereka ini menerangkan kesalnya perbuatan-perbuatan pihak yang berkenaan dan mereka menyalahkan Kerajaan sahaja. Sebab mereka telah menduduki tanah-tanah itu selama 15 tahun, 20 tahun, tiba-tiba datang surat menyuruh mereka keluar, kerana orang-orang ini telah dapat tanah. Mereka selalu membangkitkan apakah konsep masyarakat adil yang kita agung-agungkan.

Tuan Pengerusi, di dalam Dewan yang mulia ini eloklah kita berterus terang untuk menghadapi kenyataan bahawa penderitaan yang diterima, yang dipikul oleh warganegara kita khasnya bumiputra, orang Melayu yang duduk dalam Bandaraya ini mengenai tempat tinggal mereka, pendapatan rendah, mereka diusir; umpamanya pada minggu yang lepas pagi-pagi lagi pukul 7.00 hampir 15 orang telah datang berjumpa dengan saya, kerana rumah mereka hendak diruntuhkan oleh pihak Penguatkuasa Bandaraya. Saya pergi menyiasat, betul di situ telah siap dengan trektar, polis dan sebagainya hendak diruntuhkan satu kawasan. Apabila ditanya pihak Bandaraya tidak bersalah, pihak Penguasa tidak bersalah itu adalah kawasan baru. Setelah saya siasat sedalam-dalamnya didapati mereka itu lari daripada kawasan perumahan yang mereka sewa kerana sewa rumah di dalam Bandaraya telah melambung naik dan antara mereka ada mempunyai 6 orang anak, 9 orang anak. Pendapatannya sebagai seorang polis biasa, askar, pekerja kilang dan tukang kebun di sekolah-sekolah di mana mereka hendak tinggal, dan terpaksa mereka tengok di mana ada tanah lapang disitulah dibuatnya rumah. Kemudian datanglah pihak yang berkenaan. Mereka diusir ke sana ke mari.

Jadi, saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya memerhatikan dengan seriousnessnya perkara penderitaan setinggan-setinggan kita yang duduk

di dalam Bandaraya yang berpendapatan rendah, mempunyai tanggungjawab yang banyak, menderita kena halau ke sana ke mari. Negara kita sudah merdeka hampir-hampir 20 tahun apakah rancangan untuk mereka ini? Ada yang berkata carikanlah rumah untuk mereka, mereka sanggup pindah ke mana-mana. Dengan adanya Wakil Rakyat maka dapatlah mereka bekerjasama tetapi apakah perkara ini hendak dibiarkan begitu sahaja? Sebab, saya tengok, dalam peruntukan mengenai Jabatan Tanah, Wilayah Persekutuan tidak ada peruntukan bagi pembangunan untuk tahun 1975. Apa yang ada di situ ialah belanja untuk menguruskan jabatan tersebut.

Kita tahu, setinggi-setinggi ini banyak menimbulkan masalah. Mereka duduk di dalam Bandaraya. Tidak sampai sebatu daripada kawasan mereka rumah-rumah tersergam, cantik. Bila mereka keluar ke pekan, segala nikmat-nikmat kehidupan mereka lihat, tetapi apabila balik ke rumah mereka duduk seperti di atas padang pasir, tidak ada bekalan air, tidak ada bekalan api, air masin lagi diambil daripada air sungai yang kotor mengalir terpaksa ditapis dan sebagainya. Api digunakan dengan cara lama. Berapa lamakah mereka ini sanggup bersabar? Inilah yang saya rasa yang menjadi perjuangan pihak-pihak parti Pembangkang.

Tuan Pengerusi, saya percaya kalau kita memandang lebih jauh lagi ke hadapan akan masalah-masalah setinggi ini dan kalau kita tidak berjaga-jaga ianya akan menjadi satu social problem yang boleh menimbulkan huru-hara di dalam negara kita bukannya daripada segi pergaduhan bahkan akan menimbulkan masalah kesihatan, menghalang pembangunan pada masa hadapan, kalau tidak di awasi daripada sekarang—Wilayah Persekutuan ini masih muda lagi.

Satu perkara lagi, ialah masalah tanah yang dipunyai oleh orang-orang Melayu sendiri yang mana tanah-tanah tersebut sebelum terubuhnya Wilayah Persekutuan dikatakan tanah Malay Reservation, tetapi pada hari ini telah masuk dalam Wilayah Persekutuan. Saya minta Jabatan Perdana Menteri memikirkan, bagaimana hendak mengatasi undang-undang penukaran tanah yang ada pada hari ini. Kita tahu memang telah menjadi tabiat orang Melayu iaitu tanah satu grant dimiliki hampir 50 orang dan tanah

yang begitu cantik rupanya tidak ada commercial value kerana kelalaian ibu bapa atau datuk-nenek moyang mereka. Warga-negara yang baru yang telah mempunyai perasaan, yang telah mempunyai pelajaran, mereka tahu ini adalah satu kesilapan yang telah dilakukan pada masa dahulu lagi. Bolehkah pihak Jabatan Perdana Menteri memikirkan dengan Jabatan Undang-undang ataupun Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara kita bagaimana hendak memansuhkan supaya menukarkan undang-undang itu, supaya tanah-tanah tersebut dapat disusun semula dan boleh mendatangkan economic value.

Pada hari ini tanah di sebelah Gombak tidak boleh diusik oleh sesiapa. Adapun agency-agency Kerajaan yang hendak menolong bagi penggunaan tanah itu supaya tanah tersebut berhasil, tetapi oleh sebab nama di dalam grantnya itu sampai berpuluh-puluh orang, ada yang sudah meninggal dunia tidak bertukar nama dan sebagainya, tanah itu berpuluh-puluh ekar tidak boleh dibuat apa-apa; siapa yang rugi, bukan sahaja rakyat yang rugi bahkan negara juga yang rugi.

Dalam perkara yang lain-lain seperti Jabatan Kehakiman, saya juga bersama-sama menyokong pendapat dari sahabat saya Yang Berhormat dari Kepala Batas bahawa di dalam negara kita ini yang mengamalkan dasar Perlembagaan Demokrasi, kerap kali kita tengok sesuatu kes itu terlampau lembut undang-undangnya, yang mana kadang-kadang warganegara yang tidak bertanggungjawab boleh menghalang sesuatu kes itu hendak diselesaikan, terpaksa menggunakan kekerasan. Maka dengan sebab itu saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana banyaknya kes-kes yang tidak dapat diselesaikan itu bukannya salah kepada pihak Kerajaan. Salahnya ialah sikap warganegara kita. Sepatutnya parti Pembangkang tolong membetulkan warganegara kita ini. Ada di antara mereka itu sambil lewa sahaja. Hendak menghantar satu surat saman itu kadang-kadang memakan masa berbulan-bulan tidak dapat di cari orang itu, macam mana kes itu hendak selesai. Jadi dengan sebab itu, saya minta Jabatan Perdana Menteri yang menjaga mengenai Jabatan Kehakiman ini mengadakan pula satu undang-undang yang sesuai dengan keadaan

masyarakat, pemikiran orang kita yang ada pada hari ini dan tidaklah boleh kita mengikutkan undang-undang itu yang mana orang-ramai tidak bertanggungjawab boleh mengambil kesempatan.

6.07 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (Jasin): Tuan Pengerusi, saya bangun mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Anggaran Pembangunan, 1975 berhubung dengan Kepala P. 8 Pecahan-kepala 3 dalam Kajian Rancangan yang diberikan peruntukan sebanyak \$7.5 juta.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara ini saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan yang ada mempunyai Kajian Rancangan, segala perkara dalam pembangunan dan sebagainya untuk jangka panjang. Tetapi apa yang saya harapkan kepada pihak Jabatan ini supaya dengan tegasnya mengambil tindakan atas masaalah kajian sesuatu rancangan, permohonan, permintaan, pembinaan dan sebagainya yang dikehendaki oleh orangramai supaya Kajian-kajian itu jangan berlarutan sehingga memakan masa sampai setahun, setahun setengah, maka barulah kajian itu selesai dan perlaksanaan itu baru mendapat arahan, dan pembinaan baru hendak dibuat. Satu contoh di kawasan saya dan saya sendiri mendapat tahu, jika sekiranya satu pertukaran bangunan tanah dan sebagainya memakan masa tidak kurang daripada 6 bulan, itu paling cepat, kadang-kadang memakan masa sampai setahun. Dengan kajian yang sedemikian, maka ianya melambatkan segala pelaksanaan rancangan-rancangan yang akan dibuat oleh orangramai di luar bandar nanti. Saya mengharapkan kajian-kajian rancangan penyelarasan Jabatan ini hendaklah disesuaikan dan disegerakan atas segala permintaan-permintaan supaya orangramai dapat melaksanakan cita-cita pembangunan sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan kita sendiri. Saya suka juga menyentuh di dalam P. 8 Pecahan-kepala 15, berhubung dengan Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar.

Saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan yang telah sedar dan telah memberikan satu peruntukan sebanyak \$3 juta iaitu sebagai hendak melaksanakan cita-cita hendak membaiki atau membina jalan-jalan di luar-luar bandar

di seluruh negara kita di masa yang akan datang. Tetapi pada pendapat saya peruntukan sebanyak \$3 juta walaupun barangkali ramai Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang menyatakan tidak cukup, saya juga sangat menyokong. Sebenarnya, peruntukan sebanyak \$3 juta sebagai hendak melaksanakan rancangan-rancangan jalan-jalan di luar-luar bandar ini memang saya rasa kalau ditambah tiga kali ganda sekali pun memanglah tidak cukup, kerana saya mendapat tahu dan kita telah mengikut iaitu dalam pelaksanaan jalan di luar-luar bandar pada tahun 1970, 1971, 1972 dan 1973 sememangnya quota peruntukan yang diadakan melalui negeri ke daerah-daerah adalah amat kecil.

Satu daripada contohnya di kawasan saya sendiri iaitu kalau kita bagi pihak Majlis Tindakan Pembangunan Daerah telah membuat rancangan iaitu hendak menambah dan hendak menyambung jalan-jalan kecil di kawasan-kawasan yang tertentu yang mustahak diminta quota peruntukan sebanyak \$100 ribu dalam satu tahun perlaksanaannya, maka hanya mendapat wang peruntukan daripada Kerajaan Negeri samada dibiayai oleh Kerajaan Pusat atau tidak hanya mendapat \$25,000 sahaja. Ini sudah barang tentu sebagai contoh yang saya katakan tadi iaitu kalau \$3 juta ini untuk seluruh Malaysia dan hendak dibahagi-bahagi kepada jalan-jalan kecil yang telah lama, dan ada setengahnya jalan-jalan kecil itu tertinggal suku kerana peruntukannya tidak ada dan tidak sampai, padahal pihak Kerajaan kita dahulunya telah menitikberatkan iaitu rancangan-rancangan yang merupakan rancangan-rancangan yang mendatangkan ekonomi sahaja. Soal hendak membuat jalan kecil ini ditinggalkan dahulu kerana kononnya tidak ada ekonomi. Kita mesti berfikir kalau tidak ada jalan-jalan di luar-luar bandar, maka ekonomi petani-petani di luar-luar bandar samada petani-petani yang menanam pisang, menanam ubi dan jagung, maka dengan tidak secara langsung ekonomi penduduk-penduduk atau petani-petani di luar bandar lambat sampai ke dalam bandar dan ini menjadikan kerugian.

Walau bagaimana, disebabkan ada satu peruntukan, saya berharap peruntukan ini dapat ditambah dan kepada pelaksanaan-nya saya berharap benar iaitu keikhlasan daripada Kerajaan Pusat dan Jabatan Perdana Menteri dapat memberikan peruntukan

yang cukup itu kepada Kerajaan Negeri dan seterusnya Kerajaan Negeri juga supaya tidak berbalik, sebagaimana yang saya katakan tadi minta \$100,000 untuk rancangan jalan kecil dan lain-lain rancangan kecil, maka wang yang diberi cuma \$30,000. Jadi kalau minta \$100,000 daripada daerah untuk melaksanakan jalan yang tertinggal tadi samada separuh atau untuk hendak membaiki, berilah betul-betul \$100,000 supaya rancangan membetulkan jalan-jalan dan menambah jalan-jalan di luar bandar dan di tempat-tempat pendalaman ini dapat kita selesaikan pada masa akan datang.

Saya suka juga menyentuh dalam perkara P. 8 iaitu Pecahan-kepala 16—Rancangan Pembangunan Luar Bandar yang diberi peruntukan sebanyak \$1 juta. Ini pun satu masalah juga dari segi perlaksanaannya. Kita juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan yang telah sedia ada ataupun yang telah banyak memberikan peruntukan pembangunan, umpamanya, memberikan bantuan kepada penduduk-penduduk luar-luar bandar mendirikan sekolah-sekolah agama, surau, masjid dan sebagainya. Apa yang saya fikirkan iaitu pembangunan yang telah dibangunkan itu sekolah agama hanya bangunan sekolah agama sahaja yang dapat dibuat—peruntukan sekolah agama sahaja—kerusi, meja, alat-alat dan sebagainya tidak ada. Jadi dengan ini juga akan melewatkan pelaksanaan pelajaran pembangunan yang kita beri itu. Murid-murid yang datang ke sekolah agama itu yang diberi bantuan pembangunan dengan tujuan hendak mendapatkan sedikit sebanyak pelajaran dan menambah pelajaran, tetapi dengan sebab kurang ataupun tidak cukup peralatannya, maka tersadai ataupun ter bengkalai juga dalam pelaksanaan cita-cita pembangunan itu. Saya mengharapkan supaya segala pelaksanaan pembangunan dapat dilengkapi atas segala perkara, mudah-mudahan dengan ini sahaja dapat kita mengatasi segala-galanya sebagai melaksanakan cita-cita pembangunan kita.

Tuan Pengerusi saya suka juga menyentuh dalam masalah Pecahan-kepala 17—Perancang Keluarga. Walaupun saya barangkali tidak sependapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas, tetapi saya fikir dalam masalah Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan ini patut jugalah kita

tutup. Kalau pun tidak dapat ditutup, sebagaimana pendapat Yang Berhormat dari Kepala Batas tadi, tetapi saya rasa sebagai perlaksanaannya perlulah dikaji dan disemak semula, terutama sekali pihak Pegawai-pegawai Perancang Keluarga kerana Pegawai-pegawai Perancang Keluarga ini ada setengah-setengahnya tidak mempunyai pengalaman yang sebenar-benarnya, terutama sekali dalam memberikan penerangan-penerangan yang tertentu kepada ibu-ibu atau bapa-bapa yang ingin hendak menggunakan pil-pil ataupun alat perancang keluarga.

Tuan Pengerusi, pernah berlaku baru-baru ini di kawasan saya iaitu disebabkan terlalu banyak sangat pihak ibu itu memakan pil kerana nasihat agaknya berlawanan dengan dasar nasihat yang diberi oleh pakar-pakar perancang keluarga dan oleh pegawai perancang keluarga, maka telah memakan pil yang berlebih-lebihan. Dengan memakan pil yang terlampau banyak ini boleh merugikan lagi seorang penduduk iaitu yang boleh membawa akibat kematian kepada ibu. Saya rasa perlulah pihak pegawai-pegawai di Lembaga Perancang Keluarga ini membetulkan kedudukan perlaksanaannya jika sekiranya hendak dikekalkan, kalau tidak, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepala Batas tadi kita tutup sahaja perancang keluarga ini dengan tegas. Kita hendak membanyakkan lagi penduduk-penduduk di dalam negara kita sekarang yang masih amat berkurangan kalau dibandingkan sebagaimana yang kita semua tahu iaitu negara kita besar dan luas tetapi hanya ada 10 juta orang sahaja.

Kalau jumlah penduduk tidak hendak dilebihkan saya mengharapkan kepada pihak pegawai perancang keluarga di Lembaga Perancang Keluarga ini hendaklah memberikan penerangan-penerangan dan nasihat-nasihat yang betul-betul berkenaan jadual supaya pihak Kerajaan kita jangan hanya semata-mata hendak mengatasi dari segi keramaian dan hendak menjaga ekonomi jangka panjang, salah guna sebagaimana yang saya katakan itu tadi, maka boleh jadi merugikan seterusnya Kerajaan kita pada masa akan datang, dan juga merugikan perjuangan kita masa akan datang.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 9 iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam, Saya suka bercakap pada pecahan-kepala 1100—Gaji dan Upahan bahagian Aktiviti yang telah diberi peruntukan

sebanyak \$7,041,686 iaitu sebagai hendak menyelaraskan Pentadbiran, Urusan, Gaji dan Elaun, Perjawatan, Perkhidmatan, Pencen, Latihan dan Kemajuan Kerjaya Perkhidmatan Awam dan Jawatan-jawatan yang Berpencen di Negeri-negeri.

Kita ucapkan terima kasih atas susunan yang telah dibuat samada perjawatan, pentadbiran dan sebagainya di dalam Perkhidmatan Awam Malaysia yang telah dapat menyusun satu sistem ataupun satu cara yang sesuai bagi mentadbirkan—pegawai-pegawai pentadbiran di dalam negara kita di masa yang akan datang, tetapi apa yang saya hendak sentuh di sini ialah berhubung dengan Pecahan-kepala 1100 (8), jawatan-jawatan yang berpencen di Negeri-negeri.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian kepada pihak yang berkenaan—Jabatan Perkhidmatan Awam, iaitu semua kakitangan-kakitangan yang di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam telah mendapat penye-larasan pembayaran samada gaji dan juga pencen dan seterusnya, tetapi saya juga tidak ketinggalan untuk menarik perhatian Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kerajaan kita, jawatan yang berpencen di Negeri-negeri ini, misalnya jawatan Penghulu ataupun Peng-gawa. Di Negeri-negeri Melaka dan Pulau Pinang dikatakan Penghulu, tetapi di Negeri-negeri Melayu, iaitu Kelantan, Treng-ganu, Kedah adakalanya dikatakan Penggawa. Apa yang saya dapati iaitu pembayaran gaji antara Penghulu-penghulu di Negeri Melaka, Pulau Pinang dan juga di Negeri Johor seterusnya Negeri-negeri yang saya sebutkan itu tadi adalah tidak sama.

Umpamanya kalau Negeri Melaka gaji permulaan Penghulu hanya \$220 matinya \$500 tetapi Penghulu-penghulu ataupun Penggawa-penggawa di Johor mereka men-dapat \$220 dan matinya \$700 ataupun \$600. Padahal perkhidmatan Penghulu-penghulu di kampung-kampung, di kawasan-kawasan Dewan Negeri, saya rasa penting juga, kerana tarafnya adalah sebagai Penolong Pegawai Daerah, tetapi apa kata kalau sekiranya Penghulu-penghulu hanya bergaji \$220. Dia juga mahu makan, dia juga mahu bertugas, dia juga mahu berjalan dan seterusnya lain-lain sama juga dengan khidmat wakil-wakil rakyat yang berpendapatan sekarang lebih kurang \$1,000 sebulan. Ini rasa saya tidaklah sepatutnya pihak Jabatan Perdana

Menteri dan pihak Perkhidmatan Awam men-diamkan sebegitu sahaja nasib Penghulu-penghulu. Saya fikir ini boleh menjadikan satu perkecohan pentadbiran di masa yang akan datang.

Penghulu-penghulu inipun berkuasa juga. Bilamana dia tidak cukup, dia ada pandang ke kiri dan ke kanan, ke depan dan ke belakang, ke atas dan ke bawah. Saya takut pula BSN cekup. Saya harap kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perdana Menteri kita supaya gaji dan pendapatan elaun Penghulu-penghulu di seluruh Malaysia ini hendaklah disatukan. Kalau Negeri Johor permulaannya ataupun Negeri-negeri Melayu, Negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang dimulakan dengan \$310, saya fikir Melaka juga perlu \$310 dan matinya sebanyak \$700 sama. Kerana ini adalah satu implikasi antara Melaka dengan Johor dia dekat. Bahangnya itu terhimpit ke Melaka. Bila Penghulu Melaka pergi ke Johor; “Berapa Datuk Penghulu dapat di sana?”

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, ini soal Negeri.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Itulah saya mengharap supaya dapat dipertim-bangkan dan dikaji semula dan dapat disela-raskan pembayaran gaji Penghulu-penghulu ini supaya sama dan supaya melegakan sedikit Penghulu-penghulu dan membuat perkhidmatan yang baik kepada Kerajaan kita.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya hendak bercakap iaitu berkenaan dengan Kepala B. 9, Pecahan-kepala 4500 dalam masaalah pencen dan ganjaran yang diberikan peruntukan sebanyak \$22,110,000 sebagai hendak me-nyelesaikan.

Saya hendak bercakap dalam masaalah ini walaupun ada sebahagian daripada pencen dan ganjaran kebelakangan telah diselesaikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan pihak perjawatan yang berkenaan, tetapi ada banyak lagi, sebahagian daripada pencen-pencen ini ataupun orang-orang yang berpencen yang masih mengeluh dan belum dapat lagi menerima pencen-pencen kebelakangannya. Ada setengahnya menyatakan belum dapat bayaran kebelakangan dan sebahagian daripadanya pula Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bahagian Pencen Per-saraan ini dia beri separuh dahulu ataupun

$\frac{3}{4}$ dan digantung $\frac{1}{4}$ lagi. Saya fikir bila diberi suku dan selepas itu diberi $\frac{3}{4}$ lagi janganlah kita buat pembayaran pencen tersebut maklumlah pegawai-pegawai Kerajaan yang berpencen. Ini tentulah menyusahkan mereka.

Dengan ini saya mengharapkan supaya dapat disegerakan pembayaran penyelesaian berhubung dengan perkara pencen.

6.27 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Pengerusi, saya ingin mengemukakan beberapa perkara atas perbincangan Jawatan-kuasa Anggaran 16 hari ini.

Yang pertama, saya menyentuh Kepala B. 1—Parlimen. Saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi ada menyebutkan perkara mengenai elaun-elaun untuk kakitangan-kakitangan Parlimen. Saya masih ingat lagi iaitu pada tahun 1971 perkara ini telahpun dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Di masa itu Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada memberi satu jaminan bahawa sungutan-sungutan kakitangan-kakitangan di Parlimen akan diperhatikan dan tindakan sewajarnya akan diambil, tetapi sekarang kita boleh nampak bahawa tiga tahun sudah berlalu, bahawa perkara yang sama masih belum diselesaikan.

Sekarang ada sedikit perubahan, iaitu perubahan dalam keadaan oleh kerana Parlimen mempunyai lebih ramai Ahli-ahli Yang

Berhormat iaitu tambahan seramai 10 orang dan work-load atau bebankerja kakitangan-kakitangan lebih berat dan daripada satu Surat Pekeliling Perbendaharaan yang bertarikh 1hb Jun, 1974 yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bahawa peraturan-peraturan atau kadar-kadar yang baharu untuk honorarium untuk Persidangan Kebangsaan untuk kakitangan Kerajaan adalah baharu. Jikalau lebih daripada 50 orang ada bersidang yang melayakkan adalah disifatkan sebagai National Conference dan kadar-kadar baharu untuk empat division itu ialah \$16.00; \$12.00; \$9.00 dan \$6.00 tetapi bila dibandingkan dengan elaun-elaun untuk kakitangan-kakitangan Parlimen ialah sangat jauh, iaitu \$6.00 yang berbanding dengan \$16.00 untuk jawatan tinggi, \$5.00 bila dibandingkan dengan \$12.00 untuk Separa Ikhtisas, \$4.00 bila dibandingkan dengan \$9.00 dan \$3.00 untuk Pegawai-pegawai Rendah dan Buruh Kasar bila dibandingkan dengan \$6.00.

Tuan Pengerusi: Masa sudah sampai. Ahli Yang Berhormat boleh sambung pada hari esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Selasa, 3hb Disember, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.